



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

Jilid III Bil. 10

Hari Khamis

5hb Ogos, 1993

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993) 1993 (Ruangan 43)

Rang Undang Rumah Penyembelihan (Penswastsan) 1993 (Ruangan 94)

Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1993 (Ruangan 114)

USUL:

Penangguhan Mesyuarat (Ruangan 133)

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pembayaran bil-bil air, telefon dan elektrik
serta layanan terhadap pelanggan

- Y.B. Puan Sri Sarasa Pasamanickam

(Ruangan 133)

DN.5.8.93

MAIAYSIA

DEWAN MEGARA

Khamis, 5hb Ogos, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT KEPADA DEWAN NEGARA

"5hb Ogos, 1993"

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1993;
- (2) Rang Undang-undang Kanun Keseksaaan (Pindaan) 1993;
- (3) Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 1993;
- (4) Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 1993; dan
- (5) Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 1993

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DKHAH RAKYAT.

URUSAN MESYUARAT

Setiasuaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan Rang Undang-undang yang tersebut dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini iaitu:-

- (1) Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1993;
- (2) Rang Undang-undang Kanua-Keseksaaan (Pindaan) 1993;
- (3) Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 1993;
- (4) Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 1993; dan
- (5) Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 1993,

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANTAAAN-PERTANYAAN

PENDATAHG HARAM MINTA - BILANGAN PENGEDARAN VISA

1. Datuk K. Vijayanathan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang haram India di negara kita dan sama ada Kerajaan akan menimbaangkan untuk memberi visa-visa kepada emigran haram tersebut asalkan majikan-majikan Malaysia yang diharapkan mendapat penjelasan terawal daripada Kementerian Sumber Manusia, terutamanya jika mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan teknikal.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuah Yang di-Pertua, jumlah sebenar pendatang tanpa izin di negara ini termasuk mereka dari India adalah tidak dapat diketahui kerana mereka memasuki negara ini tidak melalui pintu masuk yang sah dan tidak memohon untuk mendapatkan Pas Lawatan (Kerja Sementara) di Jabatan Imigresen Malaysia.

Bagaimanapun, saya i ingin maklumkan di sini bahawa sehingga 4hb Ogos, 1993 seramai 183 orang pendatang tanpa izin warganegara India sedang ditahan di depot-depot Imigresen di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mengeluarkan visa kepada pendatang tanpa izin. Seseorang warganegara asing yang ingin mendapatkan visa bagi tujuan memasuki negara ini hendaklah mengemukakan permohonannya kepada Perwakilan Malaysia di luar negeri untuk dipertimbangkan

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Yang pertama, saya ingin minta Kementerian Dalam Negeri menjelaskan bahawa adakah majikan dari semua bidang pekerjaan dibenarkan mengupah buruh asing? Soalan tambahan yang kedua, sama ada buruh asing dari semua negara diberikan pertimbangan dan layanan yang sama?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Kerajaan masih bersendirian suraya tiga bidang yang utama diberikan pertimbangan iaitu dalam bidang perladangan, pembinaan dan pembantu rumah boleh dipertimbangkan untuk mengambil buruh asing. Untuk bidang perkilangan (manufacturing) mereka perlu terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Kementerian Sumber Manusia Dan Kerajaan juga membenarkan pekerja-pekerja asing yang berkemahiran ataupun separuh berkemahiran, tetapi mereka kena menunjukkan bukti bahawa mereka ada mempunyai kemahiran.

Mengenai buruh asing dari beberapa negara jiran pada masa ini mereka diberikan pertimbangan iaitu dari negeri Indonesia, Filipina Thailand dan juga negara-negara yang berdekatan dengan kita di mana keadaan kehidupan mereka adalah dekat dan bersesuaian dengan negara kita. Untuk bidang-bidang yang lain, Kerajaan pada masa ini belum menimbangkan untuk mengemukakan permit kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shuib bin Endut.

Tuan Shuib bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, Soalan No. 2 ini telahpun dijawab pada petang semalam.

PENGGUGURAN KANDUNGAN/PENJUALAN BAYI - PENGHINDARAN

3. **Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes-kes pengguguran kandungan dan penjualan bayi hasil hubungan luar nikah pasangan Islam di klinik swasta; dan
- (b) apakah langkah Kementerian untuk mengawal kes-kes ini.

Setiausaha Perlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Kumaran]: Tuan Yangdi-Pertua,

- (a) Majlis Perubatan Malaysia telah menerima 2 maklumat mengenai klinik swasta yang melakukan pengguguran kandungan. Tiada sebarang aduan atau laporan mengenai kegiatan menjual bayi hasil hubungan luar nikah pasangan Islam di klinik-klinik swasta diterima oleh Majlis ataupun Kementerian.
- (b) Kes-kes seperti ini adalah merupakan kesalahan jenayah dan di bawah bidangkuasa pihak Polis. Walau bagaimanapun, Kementerian dan Majlis Perubatan Malaysia berusaha untuk mengingatkan pengamal-pengamal perubatan agar mematuhi undang-undang serta kod-kod etika profesion, perubatan sepenuhnya. Majlis boleh mengambil tindakan tatatertib ke jenayah mengikut Akta Perubatan 1971. Kerjasama orang ramai diperlukan untuk menghindar kegiatan-kegiatan tersebut. Orang ramai adalah diminta melaporkan kegiatan-kegiatan jenayah seperti ini kepada pihak Polis dan Majlis serta membantu pihak-pihak berkenaan dalam siasatan-siasatan mereka.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, menurut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, setakat ini pihak Kementerian hanya menerima dua maklumat kes pengguguran. Jadi, pertanyaan saya ialah apakah pihak Kementerian yakin dan percaya bahawa hanya dua sahaja kes yang telahpun berlaku selama ini.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak rungutan dan pendedahan dibuat di dalam akhbar-akhbar, tetapi tidak ada bukti. Saya minta pihak-pihak tertentu khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat tampil ke hadapan dan memberi bukti yang sah barulah pihak polis ataupun Majlis Perubatan boleh mengambil tindakan mengikut saluran-saluran yang sedia ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar dua kes yang berlaku di klinik swasta. Apakah hukuman yang telah dikenakan kepada klinik yang menjalankan pengguguran kandungan bayi itu tadi?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya katakan kita hanya menerima maklumat sahaja, belum ditetapkan bahawa kes itu berlaku atau tidak. Walau bagaimanapun, mengikut Akta Jenayah seksyen 312, Kanun Keseksaan, mereka boleh dipenjarakan selama tiga tahun ataupun tujuh tahun mengikut kes tertentu ataupun denda dan penjara. Di bidangkuasa MMC pula, kita boleh memotong nama pengamal itu dari daftar ataupun boleh menggantung nama itu daripada daftar. Ini adalah tindakan tatatertib oleh Majlis Perubatan Malaysia.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah bukti ini dari segi penjualan bayi mungkin kita boleh tunjukkan kepada Kerajaan buktinya. Tetapi masalah pengguguran kandungan ini, apakah bukti yang Kerajaan fikir perlu dikehendaki.

Dato' K. Kumaran; Ini berkenaan dengan klinik-klinik ataupun doktor-doktor yang menjalankan kegiatan ini. Mesti ada bukti, kita mesti tahu. Bukti ini kita ada aduan, ada cadangan, ada kata-kata pengamal menjalankan kegiatan jenayah ini. Kalau kita boleh kata itu ada jenayah, mesti ada bukti. Itu terpulang kepada pihak untuk mendapat keadilan, mesti kita ada bukti.

KOMPLEKS STESEN KERETAPI BARU DI PADANG BESAR - KOS PEMBINAAN

4. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) berapakah kos sebenar yang diperuntukkan bagi pembinaan Kompleks Stesen Keretapi baru di Padang Besar, Perlis dan adakah apa-apa persepakatan yang dipersetujui dengan Kerajaan Thailand bagi menyediakan kemudahan laluan kepada penumpang di kedua belah pihak iaitu Malaysia dan Thailand;
- (b) adakah Kerajaan atau pun pihak KTM bercadang diadakan balik perkhidmatan keretapi (local train) dari Butterworth ke Padang Besar dan sebaliknya yang masa kini berhenti di Stesen Arau sahaja dan laluan Stesen Arau ke Padang Besar dan sebaliknya dihentikan sekian lama; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang menambah lagi perkhidmatan Express Langkawi dan perkhidmatan udara ke Langkawi bagi kemudahan para pelancong ke Pulau Langkawi.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) peruntukan sebenar yang diluluskan bagi projek pembinaan kompleks stesen keretapi baru di Padang Besar ialah RM28.820 juta. Projek ini diusahakan dan dibiayai oleh Kerajaan Malaysia secara bersendirian. Memang ada persepakatan yang dicapai di dalam tahun 1989 antara Keretapi Tanah Melayu (KTM) dengan State Railway of Thailand (SRT) di mana KTM dikehendaki mendapatkan persetujuan SRT dan memaklumkan kepada pihak Imigresen dan Kastam Thailand melalui SRT mengenai kedudukan yard dan stesen keretapi baru itu.
- (b) Tiada rancangan untuk mengadakan perkhidmatan local train, dengan izin ke Padang Besar.
- (c) KTM Berhad tidak bercadang untuk menambah lagi perkhidmatan Express Langkawi. Dalam pada itu, pada masa ini terdapat perhubungan udara yang mencukupi ke Pulau Langkawi. MAS mengadakan 63 penerbangan seminggu dari Kuala Lumpur dan Pulau Pinang ke Pulau Langkawi dan penerbangan ini akan ditambah kepada 69 kali seminggu mulai bulan November tahun ini.

DIALOG TAHUNAN DENGAN SEKTOR SWASTA

5. **Dato' Soong Siew Hoong** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan meminta kesemua Kementerian mengadakan dialog tahunan dengan sektor swasta agar dapat mengenalpasti dan seterusnya mengatasi masalah-masalah berkait dengan portfolio masing-masing demi mempesatkan lagi pelaburan serta perolehan eksport negara sama seperti yang dilakukan sekarang oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Jika ya, bilakah dialog-dialog ini akan bermula. Jika tidak, mengapa tidak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato'

Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini hanya siri dialog tahunan yang diadakan oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Dalam siri dialog itu, wakil daripada agensi-agensi pusat dan Kementerian lain-lain juga turut hadir untuk menerima cadangan, aduan dan maklum balas berkaitan dengan bidangtugas mereka serta memberi penjelasan kepada sebarang pertanyaan atau kemosykilan pihak swasta.

Di samping itu, terdapat berbagai forum dan mesyuarat yang diadakan di semua peringkat dari semasa ke semasa di mana pihak swasta berpeluang menyuarakan kehendak dan kepentingan mereka yang ada hubungkait dengan bidangtugas Kementerian-kementerian tertentu.

Kementerian-kementerian lain juga mendapat maklumat dan maklum balas melalui cara-cara dan saluran masing-masiag. Proses ini juga kadangkala melibatkan dialog dengan pihak-pihak berkenaan, semuanya terpulanglah kepada Kementerian-kementerian supaya dapat berkesan.

SAHAM UNION PAPER HOLDINGS BHD. - SIASATAN PENYELEWENGAN

6. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada penyelewengan di Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) dan jika ada seperti yang berlaku kepada Union Paper Holdings Bhd. (UPHB) apakah pihak-pihak berkenaan seperti Pendaftar Syarikat-syarikat dan juga Securities Commission akan mengambil tindakan terhadap kes penipuan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Muatapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, daripada siasatan awal yang dibuat ke atas Kaunter Union Paper Holdings Bhd. (UPHB) adalah didapati bahawa telah berlaku satu perkara yang menyalahi peraturan Kontrak Jualan dimana 2.031 juta saham UPHB telah gagal diserahkan kepada pihak pembeli pada tarikh yang telah ditetapkan.

Pihak Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) juga mengesyaki berlaku manipulasi dalam Kaunter tersebut memandangkan berlakunya perkara-perkara berikut:-

- (i) proses pembelian ganti sijil saham UPHB oleh pihak BSKL gagal disempurnakan; dan
- (ii) harga saham UPHB terus meningkat walaupun ia telah dikelaskan sebagai Sekuriti Bertanda.

Butir-butir lengkap mengenainya telahpun dijelaskan oleh pihak BSKL dalam satu sidang akhbar yang diadakan pada 13 Julai lalu.

Berkaitan dengan perkara ini, ingin dimaklumkan bahawa Pendaftar Syarikat diberi kuasa di bawah peruntukan seksyen 99 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1983 untuk menjalankan penyiasatan terhadap apa-apa kesalahan di bawah Akta tersebut. Pegawai penyiasat Suruhanjaya Sekuriti juga diberi kuasa membuat penyiasatan yang serupa di bawah seksyen 35 Akta Suruhanjaya Sekuriti. Kuasa pegawai penyiasat serta kuasa am yang diperuntukkan kepadanya di bawah peruntukan seksyen 15(1)(i) Akta Suruhanjaya Sekuriti dikehendaki Suruhanjaya itu membanteras apa-apa amalan yang menyalahi

undang-undang yang terlibat dalam perniagaan tersebut. Pada biasa ini pihak Suruhanjaya Sekuriti, Pendaftar Syarikat dengan kerjasama pihak polis masih lagi menjalankan siasatan,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya seorang itu disabitkan maka beliau boleh didenda RM1 juta dan dipenjarakan sehingga 10 tahun. Pendaftar Syarikat juga diberi kuasa untuk menyiasat kes urusniaga dalaman seperti yang diperuntukkan di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965.

Tuan Rahim bin Baba; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh pihak BSKL terdapat 12 orang short-sellers, dengan izin, mengenai saham Union Paper Holdings Bhd. Jadi, apakah pihak BSKL akan mengumumkan nama 12 orang yang terlibat ini.

Soalan yang kedua ialah saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlirmen akan menjawab ianya akan disenaraikan semula apabila selesai penyiasatan polis. Jadi, apakah pihak Kementerian boleh memberikan jaminan bahawa saham Union Paper Holdings ini akan disenaraikan selewat-lewatnya pada penghujung bulan ini?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama sama ada pihak KLSE boleh mengumumkan 12 pihak yang terbabit oleh kerana siasatan masih lagi dijalankan, maka untuk memastikan bahawa segala penyiasatan itu berlaku dengan lancar dan sempurna, maka tidaklah wajar nama pihak 12 yang terbabit itu diumumkan.

Yang kedua, sama ada boleh diberi jaminan saham-saham UPHB ini digantung ketika ini, bolehlah diberi jaminan bahawa ia akan disenaraikan semula pada penghujung bulan ini. Ini tidak dapat hendak diberi jaminan oleh pihak BSKL. Langkah selanjutnya akan ditentukan selepas kesemua siasatan sempurna dilaksanakan.

DOKTOR PAKAR DIIMPORT DARI LUAR NEGERI - KEISTIMEWAAN

7. **Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah keistimewaan, kecekapan dan kepakaran para doktor-doktor yang diimport dari luar negeri memandangkan ganjaran yang diterima oleh doktor import amatlah ketara kalau dibandingkan dengan para doktor dalam negeri,

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pegawai perubatan asing yang berkhidmat dengan pihak Kementerian Kesihatan adalah terdiri daripada pakar-pakar disiplin tertentu yang mempunyai kekurangan pakar perubahan tempatan. Pakar-pakar tersebut mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang masing-masing.

Tangga gaji yang disarankan adalah berasaskan kepada pengalaman mereka di bidang-bidang tertentu. Pakar-pakar ini diambil berkhidmat secara kontrak. Ganjaran yang diperolehi oleh pakar-pakar perubahan yang berkhidmat secara kontrak adalah sama bagi semua pakar-pakar perubatan asing ataupun tempatan.

Datok. Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Doktor pakar dari luar negara ini ada yang tidak tahu Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Apakah bahasa yang digunakan ketika dia bercakap dengan pesakit? [Ketawa]

Dato' K. Kumaran; Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan pakar-pakar dari luar negara mempunyai pengetahuan dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, masalah bahasa tidak timbul.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah pihak Kementerian Kesihatan bercadang untuk mensyaratkan supaya para doktor juga seperti mana yang dikenakan kepada peniaga-peniaga lain, dikehendaki meletakkan tanda harga terhadap kadar rawatan yang dikenakan dan juga harga ubat-ubatan yang dibekalkan kepada pesakit-pesakit.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini pada masa kini ada dalam pertimbangan Kementerian Kesihatan.

**PEMBINAAN SEKOLAH RENDAH/MENENGAH DI SABAH
DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEENAM**

8. **Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan bagi pembinaan sekolah-sekolah rendah dan menengah di Sabah dalam Rancangan Malaysia Keenam. Dan berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan bagi maksud di atas;
- (b) adakah benar bahawa kelewatan pembinaan sekolah-sekolah di Sabah adalah disebabkan masalah mendapatkan tanah. Dan sekiranya benar adakah Kementerian Pendidikan mempunyai dasar untuk membeli tanah untuk tujuan pembinaan sekolah; dan
- (c) berapakah buah sekolah di Sabah yang telah diprogramkan pembinaannya pada tahun 1991 hingga tahun ini yang menghadapi masalah tanah. Dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan[Dr Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Peruntukan pembangunan yang diberikan kepada negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah RM69.95 juta untuk sekolah rendah dan RM112.58 juta untuk sekolah menengah. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi sekolah rendah sehingga Jun 1993 ialah RM18.25 juta dan RM60.25 juta untuk sekolah menengah. Jumlah peruntukan ini termasuklah bagi pembinaan sekolah-sekolah baru dan kerja-kerja ubahsuai dan juga naiktaraf.
- (b) Bagi melaksanakan pembinaan sekolah-sekolah di negeri & Sabah, Kementerian Pendidikan tidak menghadapi masalah tanah atau tapak. Oleh itu, masalah projek lewat kerana masalah tanah atau tapak tidak timbul.

**PERTANDINGAN RATU CANTIK "INTERNATIONAL QUEEN OF
THE YEAR 1993" - TARIKAN PELANCONG**

9. **Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada pertandingan ratu cantik "International Queen of the Year 1993" yang baru berlaku di Kuala Lumpur mendatangkan manfaat pelancongan ataupun menaikkan imej negara Malaysia dan jika sebaliknya apakah tindakan Kementerian untuk tidak mengadakan pertandingan ratu cantik seperti ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, Pertandingan Ratu Cantik "International Queen of The Year 1993" dianjurkan oleh pihak swasta di mana Kementerian ini tidak terlibat langsung di dalam penganjuran acara tersebut, malahan Kementerian ini tidak dirujuk mengenainya. Di dalam menganjurkan pertandingan seperti ini pihak penganjur tidak perlu merujuk kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Walau bagaimanapun, acara berkenaan telah dapat memberi publisiti kepada negara, khususnya di kalangan para peserta dan mereka yang terlibat daripada luar negara. Selain daripada itu, acara tersebut juga dapat memberi publisiti kepada negara melalui siaran televisyen di negara-negara tertentu.

Mengenai langkah untuk tidak mengadakan pertandingan ratu cantik, Kementerian ini tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menyekat penganjuran acara-acara seperti itu.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita dapat mendengar bahawa Kementerian ini tidak ada kuasa membenarkan masuk pertandingau ratu cantik. Jadi, siapa yang membenarkan masuk pertandingan ratu cantik di Malaysia ini? Badan mana, Kementerian mana, kuasa siapa, saya hendak tahu, yang dikatakan tadi ada manfaat. Negara Islam seperti ini yang cukup baik, kemudian "jual body" orang, telanjangkan, adakah benar baik?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, Kerajaan setakat ini tidak bercadang untuk mengharamkan pertandingan ratu cantik, kerana sehingga ini kegiatan seumpama ini didapati tidak pernah mendatangkan apa jua kesan buruk kepada aegara kita. Tambahan pula Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang majmuk, sungguhpun agama Ialam sebagai agama rasmi harus diberi penghormatan. Walau bagaimanapun, pandangan ataupun perasaan dari kaum-kaum lain harus diberi pertimbangan juga. Jadi. ini adalah pendirian Kerajaan terhadap acara pertandingan ratu cantik.

Tuan Saad bin Haji Man: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sebagai sebuah negara Islam sudah pastilah pertandingan ratu cantik ini menggambarkan sedikit-sebanyak imej aegara kita. Apakah Kerajaan atau Kementerian bercadang untuk menghalang peserta-peserta Islam daripada menyertai pertandingan ratu cantik serupa ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi, Kerajaan sehingga sekarang tidak bercadang mengharamkan kegiatan pertandingan ratu cantik dan juga penyertaan dari mana-mana negara, kerana kegiatan seumpama ini memang merupakan

kegiatan yang biasa, termasuk di negara-negara komunis seperti Negeri China dan sebagainya.

Tuan Saad bin Haji Man: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalannya bukan kegiatan, tetapi penyertaan kaum Islam.

Dato' Chan Kong Choy: Oh, kaum Islam. Sehingga sekarang ini memang Kerajaan tidak lagi ada rancangan untuk mengharamkan penyertaan dari kaum Islam, tetapi ini tidak digalakkan.

GARIS PANDUAN BERITA DALAM MEDIA MASSA

10. **Datuk Haji Ahmed bin Haji Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh manakah kuasa yang ada termaktub pada BERNAMA dalam memberi garis panduan supaya media masa melaporkan apa-apa berita dengan tepat (tanpa mendengar khabar angin) dan bertanggungjawab supaya tidak mengelirukan pembaca-pembaca dan bukan semata-mata untuk memperolehi jualan bilangan naskah yang lebih dengan melaporkan dan menokok tambah berita-berita sensasi.

Setiausaha Parliment Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, BERNAMA sebagai Pertubuhan Berita Nasional tidak mempunyai kuasa dalam mengeluarkan garis panduan kepada mana-mana syarikat akhbar yang mengeluarkan akhbar tanya merupakan satu agensi untuk mencari dan mengemukakan maklumat berita, bahan-bahan berita atau rencana-rencana berita yang lengkap, benar dan saksama ke atas apa-apa perkara mengenai kepentingan awam. Lanya juga membahagi-bahagikan berita dan bahan-bahan lain kepada pelanggan-pelanggan.

Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan garis panduan melalui lesen-lesen kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan berita supaya berita-berita yang dikeluarkan tidak menipu, mengelirukan rakyat atau mengancam ketenteraman negara.

PEGAWAI TENTERA MENYERTAI MISI PBB - PROGRAM

11. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa seorang pegawai tentera hanya diberi peluang untuk menyertai misi PBB hanya sekali sahaja dalam karier mereka walaupun mereka telah berkhidmat dengan cemerlang sekali sebagai seorang Pemerhati Tentera. Adakah dengan tindakan menghadkan penugasan kepada sekali sahaja akan mensia-sia serta merugikan pengalaman dan pengetahuan vang sedia ada pada seseorang anggota tentera tersebut. Adakah KEMENTAH mempunyai program susulan khas untuk anggota-anggota yang pernah berkhidmat di bawah panji-panji PBB.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, memang benar seorang pegawai tentera hanya diberi peluang untuk menyertai misi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu hanya sekali sahaja dalam karier mereka. Ini dilaksanakan bagi tujuan untuk memberikan pendedahan seramai yang mungkin kepada pegawai-pegawai ATM bagi mencari pengalaman dan pengetahuan berhubung dengan tugas dan tanggungjawab Pemerhati Tentera.

Pengalaman dan pengetahuan yang mereka perolehi tidak akan disia-siakan, kerana pihak Angkatan Tentera Malaysia mempunyai program dan rancangan yang khusus bagi mereka seperti berikut:-

- i) sebagai tenaga pengajar di pusat-pusat latihan Angkatan Tentera Malaysia;
- ii) sebagai penceramah kepada pegawai dan anggota yang akan menyertai sesuatu misi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu; dan
- iii) sebagai staf di markas-markas Angkatan Tentara Malaysia yang bertanggungjawab dalam merancang tugas-tugas ATM untuk misi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar jika seseorang pegawai itu berkhidtnat dengan PBB, maka peluang ia naik pangkat lebih senang sungguhpun perkhidmatannya tidak begitu baik.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam mengira kenaikan pangkat anggota kita, banyak perkara yang diambil kira, bukan satu faktor sahaja. Walau bagaimanapun, tugas-tugas atau kecemerlangan pegawai itu semasa bertugas sama ada di luar negeri atau di dalam negeri semuanya diambil kira. Jadi kalau kebetulannya anggota itu bertugas dengan cemerlang dalam misi PBB ini, maka ianya adalah secara kebetulan dan itu adalah salah satu sahaja faktor di antara faktor-faktor yang lain diambil kira.

PERERJA WANITA DI KILANG ELEKTRONIK - GANGGUAN SEKSUAL

12. **Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada wujud gangguan seksual ke atas pekerja-pekerja wanita di kilang-kilang elektronik dan lain-lain pekerjaan di negara ini dan jika berlaku apakah tindakan Kementerian untuk membanteras amalan yang tidak sihat ini supaya tidak menjaskankan kemajuan perindustrian negara ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia ada menerima aduan-aduan tentang gangguan seksual ke atas pekerja-pekerja wanita di tempat-tempat pekerjaan, akan tetapi bilangannya adalah kecil. Setakat ini Kementerian hanya menerima tiga aduan tentang gangguan seksual secara rasmi dari pekerja-pekerja. Perkara yang serupa juga pernah didedahkan oleh pihak akhbar. Semua aduan tentang gangguan

seksual yang telah diterima dari pekerja atau didedahkan oleh pihak akhbar itu telah disiasat oleh pegawai-pegawai Kementerian. Dari siasatan yang dijalankan hanya satu aduan sahaja didapati mempunyai asas untuk diambil tindakan.

Tuan Yang di-pertua, buat masa ini belum ada Undang-undang Buruh yang khusus yang boleh didapati untuk menangani perkara ini. Bagaimanapun, cara penyelesaian yang dilaksanakan sekarang ini ialah dengan memanggil Ketua Eksekutif syarikat di mana kejadian berlaku dan menasihatnya untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pekerja yang melakukan gangguan seksual demi menjaga imej dan keharmonian perusahaan syarikat.

Di samping itu, pekerja-pekerja yang menjadi mangsa gangguan seksual akan juga dinasihati untuk membuat laporan kepada pihak Polis jika gangguan seksual tersebut bersifat serius dan merupakan kesalahan yang boleh didakwa di bawah Penal Code.

Kementerian Sumber Manusia memberi perhatian yang serius ke atas gangguan seksual di tempat-tempat pekerjaan kerana ianya bukan sahaja boleh menjaskannya keharmonian perusahaan tetapi adalah bertentangan dengan usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai murni dan etika kerja yang unggul di segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, usaha akan diambil untuk mengkaji perkara tersebut termasuk langkah yang sesuai bagi membanteras kejadian ini dari berleluasa di masa hadapan.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat minta penjelasan maksud dia dari segi definisi "gangguan seksual" - sejauh mana yang dimaksudkan sebagai "gangguan seksual" itu?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada satu definisi sexual harassment tetapi saya fikir memang kita semua faham, seorang lelaki yang minta kerja seorang pekerja wanita dengan promosi dengan mengadakan seksual itu juga boleh dianggap sebagai sexual harassment. Itulah saya fikir. Tetapi kita belum ada satu definisi undang-undang.

**PONDOK/MASJID DI NEGERI KELANTAN - PENGGUNAAN
OLEH KERAJAAN NEGERI UNTUK TUJUAN POLITIK**

13. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan Pusat sedar bahawa banyak kegiatan di masjid-masjid dan pondok-pondok telah digunakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebagai medan untuk membuat dakyah terhadap Kerajaan Pusat. Jika sedar, adakah Kerajaan Pusat berhasrat untuk bertindak bagi menghentikan program-program sepenting itu seperti mengarahkan Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri mengambil tindakan-tindakan tertentu bagi membendung aktiviti-aktiviti itu dari terus berlaku.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa terdapat beberapa buah masjid dan pondok-pondok di Kelantan yang telah digunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi menjadikan tempat utama dalam menyibarkan dakyah terhadap Kerajaan Pusat. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa mengawasi dan mengambil perhatian berat terhadap perkara itu dan perkembangannya.

Sudah ada usaha positif ke arah membendung dan membanteras unsur-unsur negatif tersebut. Antaranya ialah melalui kegiatan-kegiatan dakwah, diskusi-diskusi keagamaan, kursus-kursus kesedaran Islam dan lain-lain program yang dirancang khusus dari semasa ke semasa secara bersepada oleh agensi-agensi tertentu.

Kerajaan sepanjang masa sentiasa mempergiatkan aktiviti-aktiviti keagamaan supaya orangramai tidak terpedaya dan terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang disibarkan oleh pihak-pihak tertentu di negeri Kelantan.

Puan Hajah Zaleha binti Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang telah disebutkan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri ialah mengenai langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan. Tetapi saya ingin membuat soalan tambahan iaitu apakah pihak Jabatan perdana Menteri berpuas hati dengan perancangan-perancangan yang telah dilakukan oleh pihak Pusat Islam terhadap apa yang sedang berlaku di negeri Kelantan. Kerana saya hendak menyatakan di Dewan yang mulia ini banyak daripada perkara-perkara negatif yang sedang berlaku meracuni pemikiran bukan sahaja rakyat Kelantan di peringkat dewasa tetapi di peringkat kanak-kanak di pondok-pondok ini diadakan markas-markas parti politik. Dan kepada saya, saya mohon jawapan yang lebih positif terhadap apakah yang akan dilakukan oleh pihak Pusat Islam ataupun di bawah Jabatan Perdana Menteri mengenai perkara yang sedang serius berlaku di negeri Kelantan hari ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang saya mengakui kebenaran bahawa terdapat tempat-tempat atau sekolah-sekolah agama bukan sahaja di negeri Kelantan bahkan juga di negeri Kedah dan Terengganu mempunyai fungsi yang serupa digunakan oleh parti PAS ini untuk rnenjalankan dakyah politik mereka di tempat ini.

Dengan sebab itu dan Pusat Islam ialah di bawah Jabatan Perdana Menteri seperti yang saya sebutkan tadi dan oleh kerana di tiap-tiap negeri ini hal urusan agama ini iaitu di bawah kegiatan negeri masing-masing, maka yang boleh dilakukan oleh Pusat Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri ialah penerangan-penerangan yang jelas bagi membezakan parti PAS dengan Islam yang kita jelaskan, kerana kita sedar memang terdapat kegiatan yang menyamakan parti PAS dengan Islam. Yang ini seolah-olahnya merosakkan akidah umat Islam dengan mengatakan parti politik itu adalah Islam. Jadi, ini yang kita hendak jelaskan bahawa parti politik ialah parti politik. Dan Islam itu "addin" - soal yang jitu bagi orang Islam. Jadi pemahaman yang sebenarnya yang harus diterima oleh orang Islam bahawa terdapat perbezaan di antara sebuah parti politik dengan Islam itu, insya Allah, ianya akan dijalankan sekuat-kuatnya oleh pihak Pusat Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama badan-badan tertentu di negeri, kerana kita tidak boleh masuk melalui Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri dikuasai oleh parti pembangkang PAS.

TABUNG MODAL PUSINGAN - BANTUAN KEPADA PELADANG

14. **Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mewujudkan Tabung Modal Pusingan bagi membolehkan petani-petani khasnya ahli-ahli peladang melaksanakan projek-projek lebih berkesan dan pembayaran balik pinjaman itu diberi tanggungjawab sepenuhnya kepada Pertubuhan Peladang Kawasan.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-pertua, Kementerian Pertanian, melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telahpun mewujudkan satu tabung iaitu Tabung Modal Pusingan pada 27.7.93. Pengwujudan tabung ini adalah bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk membantu peladang dan petani mendapatkan kemudahan pembiayaan dan modal pusingan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Jenis-jenis pinjaman yang boleh dipertimbangkan di bawah Tabung ini adalah pinjaman jangka pendek, pertengahan dan panjang. Jenis-jenis projek dan pembiayaan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:-

- (i) pinjaman bagi pengeluaran. Ladang, tanaman, ternakan dan ternak air.
- (ii) pinjaman bagi pemasaran hasil pertanian, pemprosesan hasil pertanian;
- (iii) kontrak pembinaan;
- (iv) kredit ladang;
- (v) perniagaan berkaitan dengan bekalan keperluan ladang;
- (vi) modal kerja perniagaan khas dan sebagainya.

Dalam tempoh 1994 hingga 1992, amaun sebanyak RM29.25 juta telah diluluskan.

MATLAMAT WAWASAN 2020

15. **Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan mengenalpasti Kementerian yang patut mengambil tanggungjawab dalam memastikan belia-belia tangkas dalam mencapai kehendak-kehendak negara tarutama bagi mencapai Wawasan 2020 kerana ramai kalangan belia-belia tidak prihatin dalam tanggungjawab **itu**.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab tersebut diberikan kepada Kementerian Belia dan Sukan yang mempunyai matlamat untuk menyediakan masyarakat belia agar mempunyai keperibadian tinggi, berakhhlak mulia, berdisiplin, berkualiti, taat-setia, bersatu-padu, berkemahiran teknik, sikap berdikari, hidup berorganisasi dan mempunyai daya kepimpinan yang matang bagi memudahkan mereka memberi sumbangan kepada pembangunan sosial, ekonomi dan politik serta memperkuuhkan perpaduan, keselamatan dan kesejahteraan negara.

PENGGURAN HARAM - TINDAKAN TERHADAP KLINIK SWASTA

16. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementeriannya terhadap klinik swasta yang menjalankan aktiviti pengguguran secara haram.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan ini pada masa saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff, saya tidak ada apa-apa tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

SYURGA MADURA DI NEGERI JOHOR - SIASATAN

17. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil dan akibat siasatan dalam kes "Syurga Madura" di Negeri Johor.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Syurga Madura terletak di satu kawasan antara Taman Desa Cemerlang dan Taman Desa Jaya, Plentong, Johor Bahru. Polis Johor telah mengadakan "Ops Bersih" sejak bulan Oktober 1991 tanpa berhenti-henti untuk mengawasi kegiatan pelacuran termasuk "Syurga Madura". Sejumlah 7 hingga 10 orang perempuan dari Madura Indonesia telahpun berhenti menjalankan kegiatan di situ. Walau bagaimanapun Polis di Johor akan meneruskan tindakan untuk mencegah sebarang kegiatan pelacuran.

Tuan Yang di-Pertua; Yang Berhormat Tuan Michael Boon Thiam Joon.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Tuan Yang di-pertua, dengan izin soalan No. 18.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE REPUBLIK RAKYAT CHINA

13. **Tuan Johan B.O.T Ghani @ Christopher [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada lawatan Yang Amat Berhormat perdana Menteri ke negara Republik Rakyat China baru-baru ini dapat mengeratkan tali persahabatan yang kukuh di antara rakyat China dan rakyat Malaysia yang berbilang keturunan supaya kedua-dua pihak dapat bantu-membantu dalam membangunkan dan memajukan negara Republik Rakyat China di Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan] : Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang diiringi Yang Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah binti Mohd. Ali ke Republik Rakyat China (RRC) dari 13hb - 22hb Jun, 1993 adalah di atas jemputan Perdana Menteri RRC. Ini adalah lawatan rasmi kedua oleh beliau selepas lawatan pertama pada November, 1985.

Tujuan lawatan tersebut adalah untuk memperkuatkan dan mempertingkatkan lagi persahabatan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dan RRC serta meninjau peluang-peluang kerjasama di bidang ekonomi, perdagangan, perniagaan dan pelaburan selaras dengan

kepesatan perkembangan ekonomi negara tersebut.

Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga bertujuan untuk memberi kesempatan kepada beliau sendiri untuk menyaksikan dan meninjau perubahan-perubahan dan perkembangan pesat yang sedang berlaku berkenaan dengan ekonomi masakini di RRC.

Lawatan rasmi Perdana Menteri ke China telah mencapai kejayaan yang besar lagi bermakna. Pemimpin kedua-dua buah negara telah berpeluang membincangkan pelbagai isu hubungan duahala, serantau dan antarabangsa. Di samping kejayaan mempereratkan lagi tali persahabatan dan persefahaman antara kedua-dua buah negara, lawatan Perdana Menteri ke RRC telah dengan jayanya menghasilkan pulangan yang bermakna di bidang perdagangan dan kerjasama duahala seperti berikut:

- (i) Para usahawan Malaysia ke RRC telah menandatangani sejumlah 36 perjanjian usahasama dan Memorandum Persefahaman bernilai RM8,224 juta di bidang perdagangan dan perlaburan, perhotelan, hartanah, infrastruktur dan perusahaan makanan. Selain daripada itu kedua-dua belah pihak sedang merundingkan untuk memperolehi sejumlah RM325.2 juta, pesanan dan kontrak, eksport barang ke China, sementara kontrak negara China adalah sebanyak RM60.4 juta.
- (ii) Kedua-dua negara bersetuju untuk menujuhkan pejabat consulate masing-masing, satu di Guangzhou dan satu lagi di Kuching (Malaysia).

(iii) Persetujuan telah dengan jayanya dicapai untuk mengadakan hubungan berkembar di antara Perbandaran Pulau Pinang dengan Perbandaran Pulau Xiaman, Wilayah Fujian di Selatan China.

(iv) Satu Memorandum Persefahaman (MOU) mengenai hak pendaratan tambahan kepada MAS telah ditandatangani, membenarkan MAS memperluaskan perkhidmatannya ke Beijing dan Guangzhou daripada 3 kali seminggu kepada 6 kali seminggu. Mulai tahun 1994 perkhidmatan MAS itu ditambah kepada 8 kali seminggu dan seterusnya 12 kali seminggu mulai tahun 1996. RRC juga mengambil maklum terhadap permintaan MAS untuk hak pendaratan ke Xiamen, Shanghai, Chengdu, Kunming dan Shenzhen. Perbincangan lanjut mengenainya akan disusuli oleh kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan mengenai isu serantau dan antarabangsa telah membawa hasil yang positif, di mana kedua-dua buah negara bersepakat bahawa sebarang pertelingkahan sewajarnya diselesaikan secara rundingan dan bukan secara ketenteraan. Isu tuntutan bertindih di Pulau Spratly dijadikan sebagai rujukan khusus.

Para pemimpin RRC juga mengulangi sokongannya terhadap Rundingan Ekonorai Asia Timur (EAEC) anjuran Malaysia serta memberi jaminan akan dasar berbaik-baik RRC dengan negara-negara di rantau ini. China sekali lagi menegaskan dasar tidak mencampuri hal ehwal dalam negara asing khususnya Malaysia yang dianggap sebagai negara sahabat.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri begitu berpuas hati dan gembira dengan tercapaiaya matlamat tujuan lawatan beliau ke RRC tersebut. Menurut penilaian Perdana Menteri sendiri, negara China pasti akan dapat mencapai matlamat penyusunan semula dan pembaharuan ekonomi dengan jayanya.

Persetujuan China dalam usaha pembaharuan ekonomi ke arah sistem ekonomi dan pasaran yang bebas dan terbuka telah dengan jelas menunjukkan hasilnya.

Adalah penting bagi Malaysia untuk mengekalkan hubungan baik lagi rapat yang sedia ada dengan negara-negara tersebut, seterusnya mengambil peluang-peluang kerjasama ekonomi yang ada di China demi kepentingan bersama.

Dr Toh Kin Woon; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Memang lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri China baru-baru ini telah begitu berjaya, ini dapat kita lihat daripada begitu banyaknya MOU. (Memorandum Persefahaman) yang telah ditandatangani antara kedua-dua pihak ini. Tetapi apa yang saya ingin tahu ialah apakah langkah-langkah berekoran ataupun dengan izin, follow-up action yang telah atau akan diambil bagi memastikan pelaksanaan segala MOU ini?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, semua pihak termasuk pihak Kerajaan serta pihak-pihak swasta yang telahpun menurunkan tandatangan mengenai dengan MOU itu harus selepas ini membuat perjumpaan-perjumpaan, lawatan-lawatan tertentu dengan rakan-rakan yang berkenaan agar apa yang telahpun diputuskan akan dapat hasil yang diharap-harapkan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar begitu banyak perundingan, begitu banyak perjanjian. Waktu perundingan dan, perjanjian itu tadi, apakah bahasa yang digunakan oleh wakil daripada Malaysia termasuk Perdana Menteri dan apa pula bahasa yang digunakan oleh pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, umumnya bahasa Inggeris.

KHEMAH LATIHAN IBADAH - CADANGAN

19. **Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk menggalakkan tiap-tiap sekolah supaya diadakan khemah latihan ibadah seperti yang dilakukan oleh sesetengah sekolah, kerana didapati sekolah-sekolah yang mengadakan program tersebut amat memberi kesan kepada pelajar-pelajarnya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian pendidikan sentiasa menggalakkan sekolah-sekolah mengadakan gerakerja ko-kurikulum. Khemah latihan ibadah merupakan salah satu aktiviti dalam gerakerja tarsebut.

Antara Program Khemah Latihan Ibadah ialah ceramah/kuliah, forum, latihan solat berjemaah, usrah sesama murid, kiyamullail, riadah dan gotong-royong yang dijalankaa di sekolah-sekolah rendah dan menengah semasa cuti persekolahan atau cuti di hujung minggu. Oleh yang demikian, terpulanglah kepada pihak sekolah untuk menjalankan aktiviti Khemah Latihan Ibadah ini dalam gerakerja ko-kurikulum bagi pelajar-pelajarnya.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati setelah ko-kurikulum di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara ini diadakan, ada satu program yang dinamakan. 'Kelas Fardu Ain'.

Saya ingin mendapat jawapan daripada pihak Kementerian Pendidikan, apakah guru-guru Kalas Fardu Ain yang telahpun dilantik di sekolah-sekolah untuk ko-kurikulum ini diberi kursus yang baik dan mempunyai asas-asas pendidikan Islam yang sempurna, kerana saya difahamkan guru-guru ini hanyalah dilantik oleh kuasa Guru Besar di sekolah masing-masing. Terima kasih.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk kurikulum atau ko-kurikulum pendidikan agama Islam termasuk gerakerja dan amalan dalam pendidikan Islam, kita memang malantik guru-guru yang terlatih dari Maktab Perguruan Islam. Jadi, kalau ada di mana yang masih belum dapat melantik semua guru ini, kita serahkan kepada Guru Besar, tetapi kalau boleh semuanya kita hendak mengadakan guru-guru terlatih dari Maktab Perguruan Islam di Selangor dan dua tiga tempat termasuk di kawasan-kawasan Maktab perguruan yang khusus untuk pendidikan Islam.

ARTIS-ARTIS MAIAYSIA DI INDONESIA - KELUHAN-

20. **Datin Hajah Wan Intan bin Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat rungutan di kalangan artis-artis kita yang artis-artis Indonesia apabila mengunjungi negara kita untuk membuat apa-apa persembahan seringkali diberi penghormatan dan diraikan dengan penuh mesra selama mereka berada di sini, tetapi apabila artis-artis kita membuat kunjungan ke negara mereka, sambutan yang diberikan bukan sahaja tidak seberapa malah ada yang tidak diberi layanan sedikitpun seolah-olah kehadiran mereka di sana tidak diingini; Jika sedar, nyatakan sama ada beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk meredakan keadaan demi menjaga supaya persahabatan kita dengan Indonesia tidak

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan Malaysia menyedari perkara keluhan artis-artis Malaysia di Indonesia yang dibangkitkan hanya menerusi laporan-laporan atau kenyataan-kenyataan yang disiarkan oleh akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan. Sehingga kini tidak ada aduan rasmi yang dikemukakan oleh kerana urusan artis-artis Malaysia ke Indoneaia dan artis-artis Indonesia ke Malaysia adalah di bawah kelolaan ataupun anjuran pihak swasta. Dengan itu juga acara sambutan artis-artis Malaysia di Indonesia

adalah diuruskan sendiri oleh syarikat muzik yang berkenaan dan begitu juga keadaannya artis-artis Indonesia yang diundang ke negara kita Malaysia diuruskan sepenuhnya tentang layanan dan sambutan oleh syarikat yang berkenaan. Jika ada aduan atau permintaan dari pihak yang bertanggungjawab, pihak Kementerian Penerangan bersedia menghubungi pihak yang berkenaan di Indonesia supaya masalah yang timbul dapat diatasi dengan cara yang sebaik-baiknya.

ANGGOTA TENTERA BERKHIDMAT DI PBB - LATIHAN DAN BIMBINGAN

21. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada anggota tentera yang terpilih untuk berkhidmat di PBB diberi latihan, bimbingan dan pendedahan khasnya mempelajari bahasa negara yang mereka akan ditugaskaa di samping fasih berbahasa Inggeris.

Timbalan Menteri Pertahanaa [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya sudah menjadi kewajipan kepada Angkatan Tentera Malaysia untuk memberi latihan dan bimbingan yang secukupnya berhubung dengan tugas yang akan dilaksanakan oleh pasukan yang terlibat. Ini bertujuan untuk memahirkan lagi keupayaan mereka dalam tugas yang akan dilaksanakan. Anggota-anggota tentera juga akan diberi pendedahan khas berhubungan dengan adat resam penduduk tempatan, keadaan muka bumi, bahasa negara tersebut dan juga bahasa Inggeris. Perkara ini sentiasa dipraktikkan sebelum ini. Angkatan Tentera Malaysia juga telah menjemput wakil-wakil kedutaan atau pelajar negara terlibat untuk memberi ceramah berhubung dengan adat resam, kebudayaan dan iuga bahasa mereka

kepada pegawai-pegawai dan juga anggota-anggota ATM yang akan berkhidmat di negara tersebut.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana pula uniform? Adakah mereka diberi uniform sejuk dengan secukupnya?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, anggota tentera kita yang berkhidmat di bawah panji-panji PBB ini di luar negara akan diberikan uniform yang bersesuaian dengan keadaan cuaca negara tersebut, umpamanya, kalau musim seiuk, anggota tentera kita akan dibekalkan dengan baju yang boleh tahan sejuk dan sebaliknya..

PESAWAT SKYHAWK TERHEMPAS - BILANGAN

22. **Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapa pesawat skyhawk telah terhempas pada masa menjalani latihaa penerbangan dalam tahun 1989, 1990, 1991, 1992 dan 1993;
- (b) berapa juru terbang terkorban atau tercedera dalam kemalangan tersebut;
- (c) apakah tindakan akan diarabil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah kukuh pesawat skyhawk yang telah uzur.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 14 buah pesawat skyhawk telah terhempas semasa menjalani

latihan penerbangan, iaitu pada 14hb Oktober, 1990; 30hb Julai, 1992; 21hb Ogos, 1992 dan 8hb Julai; 1993.

Seorang juruterbang telah terkorban pada kemalangan bertarikh 14. 10. 90 dan 2 orang tercedera pada kemalangan yang berlaku pada 30. 7. 92.

Untuk meningkatkan kebolehharapan dan tahap keyakinan terhadap pesawat yang telah lama, TUDM telah mengkaji keperluan untuk melaksanaan selenggaraan kepada setiap komponen lebih awal dan lebih kerap daripada apa yang telah ditetapkan oleh pembekal asal. Rancangan ini berlandaskan kepada hasil siasatan yang rapi yang telah dibuat apabila teriadinya sesuatu kemalangan. Dari data-data dan makluraat yang dikumpul, tindakan ini adalah penting dan akan meningkatkan tahap keboleharapan pesawat skyhawk ini.

PERMOHOKAN "STRATA TITLE" - SYARAT KELULUSAN

23. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) berapa kes permohonan "Strata Title" telah dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian seluruh negara;
- (b) berapa peratus permohonan tersebut telah diluluskaan;
- (c) untuk kes-kes yang tidak dapat diluluskan apa sebab-sebabnya; dan

- (d) adakah Akta Tanah (Land Code) yang sedia ada sekarang membolehkan pengeluaran "Strata Title".

Setiausaha Parliment Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Tuan Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Sehingga akhir tahun lalu, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian di seluruh negara telah menerima sebanyak 885 permohonan Strata Title.
- (b) Sebanyak 64.6% permohonan telah diluluskan.
- (c) Sebab-sebab permohonan belum atau tidak diluluskan ialah kerana syarat kelulusan di bawah seksyen 9 Akta Hakmilik Strata tidak dipatuhi. Antara lain, syarat-syarat ini telah tidak dipatuhi dengan bangunan yang dibina itu didapati di luar dari lingkungan sempadan lot atau cukai tanah tidak dijelaskan, atau petak-petak di dalam bangunan tidak ada jalan keluar masuk yang memadai; atau petak-petak tidak ada hubungan dalaman yang memadai yang menghubungkan satu petak dengan petak yang lain; atau pembahagian unit syer kepada petak-petak tidak saksama; dan akhirnya kerana tanah masih lagi mempunyai sekatan-sekatan tertentu seperti masih lagi tercagar pada bank.
- (d) Segala pengeluaran Strata Title adalah diuruskan dengan mengikuti Akta Hakmilik Strata 1985. Peruntukan Strata Title dalam Kanun Tanah . Negara telah dimansuhkan mulai daripada 1hb Januari, 1985.

**PELABURAN ASING KE MALAYSIA - PERSAINGAN DARI NEGARA-NEGARA ASEAN,
VIETNAM DAN CHINA**

24. **Tuan Neo Tuan Cheng** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menarik lebih pelabur ke Malaysia memandangkan saingan yang semakin hebat daripada negara-negara ASEAN, Vietnam dan China sekarang ini.

Datuk S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang persaingan yang semakin hebat daripada negara-negara ASEAN, Vietnam dan China untuk mendapatkan pelaburan asing sekarang ini. Walaubagaimanapun, suka saya menegaskan bahawa kita tidak perlu bimbang tentang keadaan tersebut, Ini adalah kerana sebahagian besar daripada industri-industri yang baru ditempatkan di negara-negara berkenaan adalah yang berintensif buruh yang mana Malaysia tidak lagi memerlukannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, fokus promosi pelaburan di sektor perkilangan sekarang ialah ke arah menggalakkan industri-industri yang berintensif modal, berteknologi canggih dan memperkuatkkan rantai industri. Dalam konteks ini, usaha-usaha sedang dilipat gandakan untuk menarik dan menggalakkan projek-projek perkilangan secara selektif dan menyediakan suasana yang lebih baik dan menarik untuk pelaburan.

Sebenarnya, pelabur-pelabur tertarik bukan sahaja kepada galakan fiskal tetapi lebih penting lagi adalah kestabilan politik yang mana Malaysia telah dapat menyakinkan para pelabur. Malaysia juga mempunyai tenaga kerja terlatih dan berdisiplin. Kerajaan juga akan terus memajukan lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur negara. Walaupun dari segi perbandingan, kemudahan infrastruktur negara ini adalah lebih baik daripada negara-negara tersebut.

Selain daripada itu, kerjasama persyarikatan antara Kerajaan dan swasta yang sungguh rapat menjadikan ia paling unik di dunia. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini akan meneruskan usaha-usaha penggalakan untuk menarik pelaburan asing dan memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang utama di rantau ini. Dalam masa yang sama, Kerajaan telahpun menyediakan beberapa program dan galakan untuk menarik lebih banyak pelaburan tempatan bagi menyokong proses perindustrian bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlirmn telah memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa salah satu daripada strategi pelaburan baru ialah ingin memperkuuhkan lagi talian di antara industri. Tetapi salah satu daripada masalah ialah tidak adanya maklumat di kalangan pelabur-pelabur asing tentang syarikat-syarikat tempatan yang boleh membekalkan "inputs" ke dalam proses pengeluaran. Saya ingin tahu apakah langkah yang diambil oleh Kementerian berkenaan untuk mengatasi masalah ini?

Datuk S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan lebih industri-industri tempatan, kita telah menumpukan kepada sektor SMI atau pun Induscri Kecil dan Sederhana di mana Kerajaan sedang merentingkan pemberian kawasan-kawasan industri dan juga pembangunan melalui "Sistem Vendor", "Sistem Prapartite" antara pengusaha besar dan pengusaha kecil dan sepertinya untuk menggalakkan lebih orang-orang tempatan mengambil bahagian di dalam pelaburan tempatan ini. Inilah satu usaha yang sedang dimulakan baru-baru ini dan tidak lama lagi pihak Kementerian akan mengumumkan satu dasar untuk mementingkan lebih SMI di dalam negara kita untuk lebih pelabur-pelabur tempatan mengambil bahagian di dalam acktor ini.

INDUSTRI PELANCONGAN - AGENSI BUMIPUTERA

25. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sempena Tahun Melawat Malaysia Tahun 1994: -

- (a) apakah strategi Kementerian untuk menambah penyertaan bumiputera di dalam Industri Pelancongan;
- (b) berapakah jumlah agensi pelancongan rnilik bumiputera yang benar-benar aktif di dalam Industri Pelancongan; dan
- (c) sejauh manakah dasar kebudayaan dijadikan panduan dalam melaksanakan akciviti-akciviti kebudayaan sempena Tahun Melawat Malaysia 1994.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian ini telah merangka beberapa strategi untuk menambah penyertaan bumiputera dalam Industri Pelancongan dan di antara strategi-strategi yang dirangka adalah seperti berikut:-
 - (i) Menggalakkan syarikat-syarikat pelancongan tersebut meningkatkan kesedaran rneraka terhadap produk-produk pelancongan;
 - (ii) Pengusaha-pengusaha pelancongan tersebut ataupun pengusaha-pengusaha pelancongan

Imbang tersebut dijemput untuk menyertai pengusaha-pengusaha pelancongan dari luar negeri memperkenalkan pakej-pakej pelancongan mereka melalui Program Make It Malaysia;

- (iii) Menggalakkan syarikat-syarikat pelancongan yang kecil bergabung menubuhkan konsortium supaya dapat bersaing dengan syarikat pelancongan bukan bumipatera; dan
 - (iv) Membekukan permohonan dari syarikat-syarikat pelancongan yang telah tertubuh di bandar-bandar besar untuk menubuhkan cawangan-cawangan di bandar-bandar kecil supaya perkhidmatan syarikat-syarikat bumiputera tempatan digunakan.
- (b) Sehingga 30hb-Jun, 1993 terdapat sejumlah 762 syarikat pelancongan bumiputera, yang aktif, yang telah dilesen-kan oleh Kementerian ini.
- (c) Kementerian sentiasa memastikan bahawa aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian sempena Tahun Melawat Malaysia 1994 adalah berlandaskan kepada prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Aktiviti-aktiviti yang berunsurkan kebudayaan lain akan dilaksanakan setelah mengambilkira kesesuaian dan kewajarannya serta tidak bercanggah dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 26 hingga 51 akan dimasukkan ke dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1993) 1993****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" [4hb Ogos, 1993].

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba menyambung ucapannya.

3.34 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk terus menyambung ucapan saya semalam. Dan seterusnya saya ingin menyentuh mengenai 3.47 iaitu Kementerian Pengangkutan. Tambahan sebanyak RM22.5 juta telah pun diperuntukkan kepada Kementerian Pengangkutan.

Dan dalam memberikan pandangan mengenai peruntukan Kementerian Pengangkutan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan juga, syabas kepada Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) yang mana saya fikir buat pertama kalinya telah pun dianggap oleh salah sebuah syarikat perunding di London, ianya dianggap lebih baik perkhidmatannya daripada Syarikat SIA.

Walau bagaimanapun, kita berharap supaya pihak Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) akan dapat meneruskan prestasinya dan jangan pula terlalu berpuas hati dengan prestasi yang telah pun dicapai setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam peruntukan ini sebanyak RM2.9 juta telah pun diperuntukkan untuk membayar subsidi kepada MAS bagi perkhidmatan luar bandar di Sabah dan juga di Sarawak.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian Kewangan, kerana baru-baru ini kita telah pun dimaklumkan bahawa syarikat penerbangan kedua akan dilancarkan dan ini adalah merupakan salah satu daripada rancangan yang sepatutnya kita alu-alukan, kerana dalam sistem pengangkutan yang ada sekarang, keperluan syarikat penerbangan kedua amat mendadak sekali dan biarlah MAS hanya bertumpu kepada penerbangan serantau ataupun penerbangan antarabangsa.

Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak Jabatan Penerbangan Awam supaya membina lebih banyak lagi lapangan-lapangan terbang kecil di kawasan-kawasan pedalaman kerana dengan adanya syarikat: penerbangan kedua dan juga kemungkinannya syarikat penerbangan ketiga seperti Pelangi Air dan juga Wira Keris dan yang lain-lain, dan juga beberapa syarikat-syarikat kecil yang baru, yang menunjukkan minat terhadap industri penerbangan ini tentulah lapangan-lapangan terbang kecil di bandar-bandar kecil seperti di Gerik, di Parit Buntar, di Pasir Mas, Kelantan, di Mersing, di Muar ataupun sebagainya amatlah diperlukan. Dan saya berharap, di samping pihak Kerajaan memberikan subsidi kepada perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan juga di Sarawak, subsidi juga patut difikirkan untuk di berikan kepada perkhidmatan luar bandar di Semenanjung Malaysia ini. Umpamanya perkhidmatan di antara Gerik ke Muar tentulah ada juga orang Gerik yang hendak pergi ke Muar ataupun yang hendak pergi ke Pasir Mas ataupun sebagainya.

Jadi, saya berharap dalam konteks ini, lebih banyak lagi Lapangan-lapangan terbang kecil akan dibina oleh pihak Kementerian untuk memperbaiki lagi prestasi industri penerbangan.

Jadi, cuma itu sahaja penjelasan saya dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

1.38 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua terima kasih saya ucapkan kerana memberikan kesempatan untuk saya.

Saya juga seperti rakan saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Cuma saya ingin menyentuh dalam soal pendidikan. Banyak wang yang telah dibelanjakan untuk soal pendidikan ini. Dan kita tahu di antara masalah sama ada akan berjaya ataupun tidak di dalam soal pendidikan ini ialah soal guru. Jadi, saya lihat di dalam soalan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian Pendidikan banyak berkisar kepada soal Guru. Saya ingin bertanya, pertamanya berkenaan dengan konsep guru sandaran ini. Guru sandaran tidak disebut sebagai guru sementara, tetapi disebut sebagai guru sandaran. Kita tahu dalam negara kita memang banyak berkurangan guru. Jumlah yang telah disebut semalam, dicampur di antara kekurangan guru di sekolah rendah dan sekolah menengah ialah melebihi 20,000. Jadi, soalan saya di sini, guru sandaran ini menampung sedikit sebanyak kekurangan guru yang ada di sekolah-sekolah. Saya ingin bertanya sebenarnya dalam definisi guru

sandaran ini, berapa lamakah dia merupakan sebagai seorang guru sandaran. Saya dapati bahawa daripada maklumat yang telah diterima, kadangkala guru sandaran ini telah pun berkhidmat sebagai guru sandaran lebih daripada tiga, empat ataupun lima tahun. Walaupun sudah menjadi Guru Sandaran selama lima tahun, tetapi tidak lagi diserapkan sebagai guru tetap. Kalau guru sandaran ini yang dianggap tidak mempunyai kelayakan untuk menjadi guru tetap, tetapi saya percaya kalau dia tidak layak, lima, enam tahun dia menjadi guru sandaran kalau dia tidak layak, sudah tentu sudah lama diberhentikan. Ini bermakna bahawa kekurangan kelayakan kemasukan yang ada kepada guru sandaran ini haruslah telah diterima sebagai guru sandaran, maka jumlah tahun yang dia bekerja sebagai guru sandaran itu harus diambil kira sebagai 'compensate' kepada kekurangannya semasa dia hendak menjadi guru tetap.

Jadi, di sini kepada saya tidak adil kalau seorang guru menjadi guru sandaran 10 tahun, tetapi masih lagi tidak diserap sebagai guru tetap. Kalau dia tak layak, suruh dia berhenti. Tetapi kalau kita masih terima dia lagi sebagai guru sandaran, maka saya merasakan bahawa dalam suasana yang mana banyak kekurangan guru pada ketika ini, seharusnya mereka yang telah bekerja lebih daripada tiga atau empat tahun sebagai guru sandaran hendaklah diserapkan sebagai guru tetap. Sebab pengalaman yang telah mereka dapat sebagai menjadi guru sandaran itu sudah cukup untuk menampung kekurangan mereka dalam soal kelayakan masuk di peringkat awal dahulu yang tidak membolehkan mereka menjadi guru tetap.

Saya berharap supaya Kerajaan memikirkan untuk menjadikan mereka ini guru tetap. Tentukan berapa tahunkah seorang guru sandaran itu sudah berkhidmat (served) umpsamanya tiga tahun supaya mereka boleh diterima sebagai guru tetap. Kalau tak diterima, suruh dia berhenti. Ini mesti ada ketetapan supaya jangan kita membenarkan nasib guru sandaran ini dibiarkan begitu sahaja, sehingga dia tidak tahu apakah kesudahannya nanti.

Jadi, Karajaan harus mengambil berat tentang perkara ini oleh sebab dua faktor. Pertamanya, guru sandaran itu sendiri mestilah Kerajaan berlaku adil kepada mereka. Kalau dia tak layak, cakap dia tak layak, tetapi kalau dia layak, jangan berikan dia sampai 10 tahun jadi guru sandaran. Kedua, kekurangan guru - maka kehadiran guru sandaran ini akan menampung, kekurangan guru-guru yang wujud pada ketika ini. Sebab itu, soal ini mesti diambil berat oleh pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan.

Semalam juga ada soalan berkenaan dengan menswastakan Maktab Latihan Perguruan...Saya tidak faham jawapan yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri yang mengatakan bahawa kita ada kekurangan 20,000 orang tetapi dia kata, dengan izin, we can cope. Pada saya, kalau ada kekurangan, maknanya we cannot cope. Tidak betul kalau orang kata bahawa kita ada shortage of teachers and we can cope. Kalau kita boleh "cope", maknanya tidak berbangkit masalah kita ada kekurangan guru. Jadi, kepada saya, saya merasakan bahawa untuk kita membantu Kerajaan, ada baiknya Maktab Latihan Guru ini di-swastakan. Banyak daripada masalah yang dihadapi oleh Kerajaan kerana kekurangan institusi ataupun kekurangan tenaga, maka banyak daripada sektor-sektor ini diswastakan atas sebab-sebab demikian. Saya merasa hairan mengapa Kementerian Pendidikan, walaupun menghadapi dengan masalah kekosongan seramai 20,000 guru di peringkat rendah dan menengah, tetapi ia masih berkata bahawa kita boleh "cope" dengan masalah ini.

Saya hendak kata di sini "point blank" terus terang, memang dia tak boleh cope. Ini kita bermain dengan masa hadapan penuntut-penuntut. Apa yang berlaku pada hari ini ialah oleh kerana kekurangan guru di sekolah-sekolah, maka ramai daripada murid-murid yang menghadiri sekolah tidak mendapat pendidikan kerana kekurangan guru. Sebab itu, dalam soal keupayaan Kementerian Pendidikan untuk melatih guru ini, mesti diambil dengan serius. Kalau tak boleh cope, cakap tak boleh cope - dan memang dia tak boleh cope pun. Oleh kerana itu sepatutnya ia diswastakan. Apa yang kita takut hendak kita swastakan Pusat Latihan Guru ini? Sekarang ini sudah ada sekolah swasta, dan sudah tentu sekolah-sekolah swasta ini tidak akan menggunakan guru-guru daripada maktab latihan Kerajaan.

Kalau sekolah itu juga boleh diswastakan, mengapa maktab latihan guru itu tidak boleh diswastakan? Saya tidak faham dasar yang tidak seimbang seperti ini.

Sekolah-sekolah yang mengajar murid boleh diswastakan, tetapi maktab yang hendak melatih guru tidak boleh diswastakan. Jadi, kalau adalah satu alasan yang konkrit yang boleh diberikan oleh Kementerian Pendidikan dalam hal ini, saya mintalah kalau ada satu alasan, saya boleh terima. Tetapi kalau tidak ada alasan, saya merasakan bahawa kita mesti swastakan maktab latihan guru ini, kerana sememangnya Kementerian Pendidikan menerusi maktab latihan tidak berkemampuan untuk mengatasi masalah kekurangan guru yang wujud begitu kritikal pada ketika ini. Soal masa hadapan anak-anak murid sekolah jangan dipermain-mainkan, Ini satu perkara yang penting yang harus kita fikirkan.

Tuan Yang di-pertua, saya juga mendapat tahu bahawa ada pandangan dalam Kementerian yang tidak bersetuju dengan usaha Kerajaan yang mahukan supaya ada universiti-universiti luar mengadakan kampus mereka di dalam negara kita. Alasannya setengah daripada mereka mengatakan bahawa kalau adanya maktab-maktab yang merupakan cawangan kepada universiti-universiti daripada luar, ini akan menggunakan Bahasa Inggeris, dan akan menyebabkan bahawa kita melupakan kepada bahasa kita.

Saya rasa ini satu argument yang begitu sempit, narrow dan ianya langsung tidak progresif. Saya tidak nampak kalau ada cawangandanripadauniversiti-universitiluaryangbertapakdidalam

negara kita ini, yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraannya, ini boleh merugikan kita dari segi penggunaan bahasa kita. Saya datang daripada generasi yang mana pada ketika itu, bahasa perantaraan di sekolah-sekolah pada ketika itu adalah bahasa Inggeris. Tetapi pada hari ini saya rasa saya fasih juga bertutur dalam bahasa Melayu. Jadi, tidak betul kalau ada di dalam pemikiran setengah daripada orang dalam kementerian Pendidikan, iaitu kalau kita membenarkan universiti-universiti luar untuk mewujudkan cawangan mereka di tanah air kita ini, maka dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan, ini akan merugikan kita dan akan menyebabkan ramai daripada orang-orang Malaysia tidak akan fasih dalam bahasa Melayu atau bahasa Malaysia ini, saya rasa hujah meleset sebab kita mahu supaya negara kita menjadi sebuah negara yang merupakan pusat pendidikan dunia. Ini tidak akan menjadi pusat pendidikan dunia kalau kita tidak membenarkan universiti-universiti daripada luar untuk masuk ke negara kita untuk membuka cawangan Pendidikan ini tidak merugikan kita.

Soalnya sama ada bahasa Melayu ini akan menjadi satu bahasa yang tinggi di pandangan mata dunia, itu sebenarnya berasaskan kepada pencapaian orang-orang Malaysia itu aendiri. Sebagai contoh, Jepun, siapa tahu bahasa Jepun. Tetapi oleh kerana bangsa Jepun pada hari ini telah berjaya menjadi satu bangsa yang lebih maju daripada Amerika Syarikat, hari ini orang berkejar-kejar untuk bertutur dalam bahasa Jepun, kerana bangsa itu telah berjaya.

Jadi, sama ada bahasa itu akan dijadikan sebagai satu bahasa yang dipandang tinggi oleh mata dunia, itu adalah berasaskan kepada

pencapaian rakyat negara itu sendiri. Saya percaya kalau kita mengejar ilmu, tidak ada masalah kalau kita hendak menggunakan bukan Bahasa Kebangsaan dalam bahasa perantaraan cawangan universiti yang hendak diadakan. Kalau kita berfikir begitu sempit, kita akan rugi dari segi ilmu. Sebab ilmu ini banyak dalam bahasa yang bukan Bahasa Malaysia. Ilmu banyak dalam bahasa Inggeris. Dan kalau kita berdegil dan hanya melihat itu dari segi semangat nasionalisme, "oh! jangan ada universiti luar masuk ke sini kerana dia tidak menggunakan bahasa Melayu", ini akan merugikan kita. Memang dia merugikan kita dari segi kekurangan kita mendapat ilmu dari universiti-universiti seperti ini.

Saya yakin dan percaya bahawa, kalau kita ada juga cawangan-cawangan universiti mereka di sini yang mengguna bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan, dia tidak akan menyebabkan orang-orang Melayu atau orang-orang Malaysia yang akan mengenepikan bahasa Kabangsaan yang ada pada hari ini.

Ini pandangan saya dalam perkara ini. Saya berharap mereka yang berada dalam Kementerian Pendidikan harus menerima baik usaha Kerajaan untuk menjadikan negara Malaysia kita ini sebagai sebuah negara pusat pendidikan seluruh dunia. Ini adalah satu usaha Kerajaan yang telah kita laksanakan, dan kita berharap mereka dalam Kementerian Pendidikan akan sama-sama berkongsi wawasan kita untuk menjadikan negara kita ini pusat pendidikan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali adalah berkenaan dengan pengangkutan. Ada peruntukan yang telah kita berikan kepada Kementerian ini dan kita salurkan setengah daripada budget Kementerian ini kepada MAS (Malaysia Airlines). Saya cuma hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan "circular" yang telah diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada Kementerian-kementerian berkenaan dengan hubungan kita dengan pihak Raja-raja, di mana arahan telah diberi iaitu kita tidak akan berbelanja lebih daripada apa yang sepatutnya kepada pihak yang datang daripada kelas Raja-raja ini.

Saya ingin menegur Malaysian Airline System (MAS), Saya percaya bahawa MAS, sebagai sebuah syarikat yang mana Kerajaan juga merupakan pemegang sahamnya, harus juga akur dengan arahan yang telah diberi dan telah diserahkan oleh Kerajaan. Saya lihat bahawa masih di amalkan lagi di dalam kapalterbang Malaysia Airline ini, yang mana kalau ada kerabat raja naik kapalterbang (first class), masih lagi disediakan tempat lapik kepala yang kuning, kusyen yang kuning, tempat duduk sebelah dikosongkan, kerana rakyat biasa tidak boleh duduk di sabelah raja. Kalau dia bayar dua tiket "first class", maka kalau dia hendak kosong, kita kosongkanlah, saya tidak kisah. Tetapi kalau dia hanya membayar satu tiket "first class" maka tidak sepatutnya kerusi di sebelahnya dikosongkan. Saya berkata mengenai perkara ini kerana baru-baru ini saya naik kapalterbang dan saya lihat perkara ini masih lagi diamalkan oleh Malaysian Airline System.

Saya hendak bertanya kepada MAS ini - adakah ia merupakan sebuah syarikat yang tidak dippunyai oleh Kerajaan dan tidak akur dengan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan - bukan sahaja Kerajaan tetapi juga Dewan Negara dan Dewan Rakyat, yang mana kita merupakan wakil kepada mereka? Jadi, apa yang menghairankan saya ialah setelah enam bulan telah berlalu dan keputusan telah dibuat, arahan telah dihantar tetapi MAS masih lagi mengamalkan satu dasar yang mana dia meletakkan Raja-raja ini di satu tempat yang lebih tinggi daripada apa yang patut diberikan kepada mereka.

Saya merasa hairan kenapa lapik kuning belakang kepala ini Hendak disediakan? Mengapa harus diadakan perkara ini kalau arahan sudah diberikan oleh Kerajaan- supaya tidak memberikan kepada mereka khidmat yang berbeda daripada apa yang diberikan kepada orang lain. Sebab itu saya minta kepada Malaysian Airline System supaya mengambil berat tentang perkara ini kerana perkara ini adalah dianggap serius. Kalau tidak serius tidak sampailah di bawa kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada masa yang lepas, melainkan kalau mereka membayar tiket "first class" untuk dua orang, dia kosongkan dan tidak ada orang duduk, itu hal dia. Tetapi kalau dia membayar tiket satu sahaja, maka 'seat' di sebelahnya mesti diisikan oleh orang lain. Orang lain pun hendak pergi ke tempat itu juga. Mengapa harus dikosongkan kerusi di sebelahnya? Dalam perkara ini saya minta MAS mengambil tindakan serta-merta supaya tidak mengamalkan lagi sistem yang diamalkan oleh mereka pada ketika ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja -yang hendak saya sebutkan dan sekali lagi saya menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Haiah Selemiah binti Hashim.

3.55 ptg.

Puan Haiah Selemiah binti Hashim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahas mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menyampaikan beberapa pandangan sebelum menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1993) 1993. Di Dewan yang mulia ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia kerana telah berjaya memimpin negara ini menjadi negara membangun yang cemerlang dari segi pembangunan ekonomi, mantap dari segi politik dan erat perpaduan di antara rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, landasan untuk mencapai Wawasan 2020 telah dibuat dengan jelas dan telah difahami oleh sebahagian besar daripada rakyat jelata. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan supaya Wawasan 2020 sentiasa berada di atas landasan yang tidak tergelincir. Untuk itu satu kawalan hendaklah diwuiudkan segera bagi memastikan pencapaian matlamat Wawasan 2020 dapat dicapai

dengan berkesan. Dengan ini izinkan saya untuk menyentuh mengenai peruntukan tambahan berjumlah RM6,118,900.00 kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Umum mengetahui bahawa belia adalah harapan negara dan pemimpin hari esok dan perhatian terhadap perkembangan belia adalah satu usaha yang amat wajar. Memandangkan bertambahnya kes jenayah di kalangan belia-belia dewasa ini, maka isu remaja bermasalah, budaya lepak, penagihan dadah dan gejala-gejala sosial yang lain semakin banyak diperkatakan. Isu-isu mengenai belia nampaknya semakin bertambah dari hari ke hari dan seandainya isu ini tidak ditangani segera, maka dikhuatiri negara akan ketandusan pemimpin-pemimpin pelapis yang benar-benar berwibawa yang akan dapat mengisi Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu mempunyai perancangan dan langkah jangkapanjang dalam menangani masalah ini. Pusat-pusat pemulihan dadah telah dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan masalah juvana dan penagihan dadah. Apa yang kita perhatikan, tindakan serius hanya akan diambil apabila belia-belia ini telah terjerumus ke lembah maksiat serta terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang melanggar undang-undang. Justeru itu, kita perlu memberi perhatian kepada mereka sejak awal-awal lagi sebelum mereka meninggalkan alam persekolahan.

Pihak Kementerian Belia dan Kementerian Pendidikan perlulah bekerjasama dan menyelaraskan program-program dan kursus-kursus bina semangat, motivasi diri, latihan kepimpinan dan kerohanian untuk membina akhlak yang mulia. Kementerian perlu mengadakan program

khas untuk mereka yang tercicir dari alam persekolahan, dan bagi **belia-belia** yang menganggur, beliau perlu ada ruang untuk kegiatan-kegiatan dan membanyakkan kemudahan-kemudahan untuk mereka berdikari dan bukan sekadar untuk peluang menjadi pekerja-pekerja kilang sahaja, tetapi ruang perniagaan perlu dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, latihan bina semangat dan pembangunan mental perlu dimasukkan ke dalam program ini, kerana memandangkan **belia-belia** sekarang kebanyakannya tidak ada visi, apatah lagi untuk negara. Kita berharap program sebegini dapat menggerakkan semangat keinsafan dan kesedaran semangat unggul ke arah ketinggi akal budi dan kegagahan peribadi. Saya amat berharap agar peruntukan tambahan yang dibentangkan ini akan dapat digunakan sebaik mungkin dengan memberi penumpuan yang seimbang di antara sukan dan pembangunan **belia** dari semua aspek termasuk rohani dan jasmani. Malah, kalau perlu saya ingin mencadangkan agar kerahan tenaga perlu dilaksanakan bagi **belia-belia** lepasan sekolah yang menganggur untuk diberi pendedahan dan latihan intensif sebagai persediaan mengisi Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, maka sewajarnyalah peruntukan diberi dan disalurkan untuk membiayai program-program kegiatan **belia-belia** yang boleh membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah yang dikatakan telah mencapai tahap yang membimbangkan. Mungkin implikasi kewangan amat besar, tetapi ini adalah pelaburan sumber tenaga bagi jangka panjang demi Malaysia cemerlang dan gemilang.

Tuan Yang di-pertua, dalam menangani masalah remaja lepak ini, saya mengalu-alukan langkah yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan yang mana Kementerian Belia dan Sukan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kempen kesedaran dan Budaya Lepak baru-baru ini bertujuan untuk menyedarkan golongan remaja supaya dapat menggunakan masa untuk memanfaatkan diri mereka dengan menyertai program-program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1993) 1993 yang dibentang untuk diluluskan. Saya mohon izin menangguhkaa ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di—Pertua: Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman.

4.01 ptg.

Puan. Kalthom binti Haji Othman: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993) 1993.

Saya melihat kepada Maksud 3.26 Kementerian Pendidikan dengan anggarannya yang nampak begitu tinggi. Tetapi walaupun begitu, bantuan kepada sekolah-sekolah agama di bawah Yayasan Islam Negeri Kelantan telah disekat. Bantuan perkapita yang diberikan kepada sekolah-sekolah agama tersebut, yang dahulunya mendapat sebanyak RM1

juta tetapi sekarang ditarik balik sedangkan bantuan kepada sekolah-sekolah seperti sekolah Cina, Tamil dan sebagainya telah diberikan bantuan dengan jumlah yang semakin meningkat di setiap tahun,

Adakah dalam soal pendidikan pun Kerajaan hendak bermain politik? kiranya inilah isihati pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat, maka malanglah bagi rakyat Malaysia yang mendokong sebuah Kerajaan demokrasi dalam pemerintahan dan pentadbiran negara, sedangkan kita melaungkan kepada rakyat negara kita demokrasi berparlimen. Di tangan rakyat ada keputusan parti mana yang ia suka tetapi bila rakyat membuat pilihan parti yang bukan UMNO, terus segala peruntukan dan bantuan disekat dan tanggungjawab Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri seperti negeri Kelantan dibekukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada Kerajaan Pusat supaya dapatlah kiranya memberikan keadilan yang sama seperti di negeri-negeri lain kepada rakyat di negeri Kelantan. Lebih-lebih lagi dalam usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ingin mencapai Wawasan 2020, maka bagi saya soal pendidikan Islam harus dititik-beratkan. Apa lagi Perdana Menteri kita seorang ,Islam yang ingin jadikan negara Malaysia sebuah negara Islam. Saya tidak tahulah kalau ada pemimpin-pemimpin Islam sendiri yang ingin membunuh Islam agar tidak berkembang semata-mata kerana perselisihan fahaman politik.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini, pihak Kerajaan juga ingin meluluskan pembayaran ke atas Maksud 3.14

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Nampaknya jumlah angkanya begitu tinggi. Di dalam perkara ini kita melihat rakyat negeri Kelantan juga terus menjadi mangsa kebuasan tekanan oleh kerajaan Pusat. **Di sini**, sukalah saya memberi ingatan kepada Kerajaan Pusat agar pembayaran geran keseimbangan kepada pihak berkuasa tempatan di Kelantan sebanyak RM12,418 juta bagi tahun 1993 tidak berulang lagi sepetimana yang berlaku pada tahun 1992 yang lalu.

Saya difahamkan pada tahun lalu pihak Perbendaharaan Persekutuan telah mengeluarkan cek pada pertengahan tahun lagi tetapi cek tersebut telah diserahkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Annuar Musa pada bulan Oktober kepada Kerajaan Negeri. cek tersebut hanya tinggal beberapa hari tamat tempohnya. Perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku dan sewajarnya Yang Berhormat Dato' Haji Annuar Musa menyerahkan cek itu kepada Kerajaan Negeri lebih awal lagi. Apa faedahnya cek itu disimpan lama-lama kerana kita yakin ianya tidak akan bertambah nilainya. Itu hak rakyat negeri Kelantan, bukan hak Menteri Besar negeri kelantan. Yang jelasnya, Majlis-majlis Daerah dan Majlis Perbandaran Kota Bharu tidak dapat menyediakan peruntukan itu untuk projek-projek pembangunan kepada rakyat. Ini menyebabkan penyaluran projek kepada rakyat menjadi lambat dan boleh menyebabkan jadual perancangan asal menjadi terbantut. Akhirnya rakyatlah yang akan menanggung.....

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sebentar. Ada yang minta penjelasan. Yang Berhormat beri laluan?

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Puan Kalthom mengenai pembangunan di negeri Kelantan. Apa yang saya difahamkan bahawa pembangunan yang telah masuk dan yang telah dibawa oleh Kerajaan Pusat ke negeri Kelantan, walaupun Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Barisan Nasional tidak memerintah Kelantan, begitu banyak tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Puan Kalthom, saya diberitahu ada pemimpin-pemimpin PAS yang mengatakan bahawa pembangunan di negeri Kelantan tidaklah diperlukan. Yang penting ialah pembangunan rohaniah semata-mata dan Menteri Besar kelantan sendiri pernah menyatakan bahawa kemiskinan rakyat Kelantan hanyalah kerana takdir Allah S.W.T. semata-mata.

Jadi, saya inginlah penjelasan sejauh maaakah pihak Kerajaan PAS ataupun Angkatan Perpaduan Ummah dapat membela nasib rakyat Kelantan dalam janji dan manifestonya dalam pilihanraya yang lalu?

Puan Kalthom binti Haji Othman: Terima kasih kepada Yang Berhormat Ustazah Hajah Za1eha. Saya tidak pernah menafikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional, bahkan Kerajaan Pusat telah menyalurkan setiap projek dan pembangunan kepada Karajaan Negeri tetapi malangnya saluran itu tidak metalui Kerajaan Negeri pada setengah-setengahnya dan pembangunan rohani dan jasmani perlu diseimbangkan. Kalaulah kita melihat di negeri Kelantan, sudah ada pembangunan yang

mencakar langit dan saya tidak menafikan bahawa ia telah dibangunkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Maka, bagi pihak Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah hari ini, tidak perlu lagi kita mengadakan tetapi tidak kurang juga dengan setakat kemiskinan yang ada kepada Kerajaan Kelantan di bawah Angkatan Perpaduan Ummah, kita dapat juga memberi pembangunan asas sekurang-kurangnya membaiki jalan-jalan raya.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mahu beri laluan atau tidak?

Puan Kalthom binti Haji Othman: Saya minta maaf, saya ingin teruskan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh minta penjelasan, Yang Berhormat.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Zaleha binti Husain: Tidak berani hendak beri

Puan Kalthom binti Haji Othman: Dalam persoalan yang telah saya sebutkan tadi, masalah kelewatan menyerahkan geran keseimbangan kepada Kerajaan Negeri Kelantan menyebabkan segala pembangunan sama ada rohani ataupun jasmani kepada rakyat negeri Kelantan akan terbantut dan saya berdiri di Dewan yang mulia ini bukanlah masalah berani ataupun tidak berani, cuma ingin saya nyatakan Itulah kedudukan Kerajaan Negeri Kelantan.

Dalam masalah ini, kepada siapakah hendak kita salahkan? kepada Kerajaan. Pusatkah? Kepada Kerajaan Negerikah ataupun kepada orang yang memegang amanah Dato' Haji Annuar Musa?

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, saya mengharapkan Kerajaan Pusat buatlah pertimbangan yang sebaik-baiknya dengan neraca fikiran yang berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Juga ingatlah pemerintahan di dunia tidak akan diselesaikan setakat di dunia sahaja. tetapi kita semua akan bertemu dan berbicara di akhirat nanti. Oleh itu, janganlah Kerajaan menggunakan buah fikiran yang manbolehkan menghancurkan Kerajaan Negeri Kelantan. Cukuplah hubungan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Kelantan sahaja sekiranya ada apa-apa saluran projek kepada negeri Kelantan.....

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Puan Kalthom binti Haji Othman:tidak payah memakai perantaraan orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Tang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ada yang minta penjelasan. Hendak beri laluan atau tidak?

Puan Kalthom binti Haji Othman: Saya tidak berhajat untuk memberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Takut!

Puan Kalthom binti Haji Othman: Biarlah saya takut. Kerajaan Kelantan bukan hanya sekadar menanggung kelewatan pemberian geran kesimbangan oleh Kerajaan Pusat. Tetapi sehingga bulan Ogos 1992, projek kecil pembangunan di kawasan penguasa tempatan bagi tahun 1992 dan 1993 terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya. Jumlah peruntukan yang telah diperakukan pada mulanya ialah ditetapkan.

Dato' Azumu bin Tak.: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,....

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tetapi sekarang ini

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,....

Puan Kalthom binti Haji Othman:Kerajaan Pusat telah menangguhkan pembayarannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar. Ada yang minta penjelasan.

Dato' Azumu bin Tak: Kalau perempuan minta tidak boleh, lelaki minta, boleh agaknya. **[Ketawa]** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Masalah kerajaan tempatan sebenarnya ialah masalah orang tempatan. Adakah ini kerana Kerajaan Negeri Kelantan tidak pandai mentadbir kerana tidak boleh membuat projek-projek di kawasan tempatan itu?

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, masalah pandai ataupun tidak pentadbiran, itu masalah lain. Tetapi masalah yang saya sebutkan ini, peruntukan daripada Kerajaan Pusat kepada

Kerajaan Negeri. Yang saya katakan, umpamanya daripada ayah kepada anak-anaknya. Selain daripada itu, pada tahun 1992, terdapat projek-projek di kawasan penguasa tempatan yang telah diperakukan oleh Kerajaan Pusat, iaitu sebanyak RM1,513 juta tetapi daripada juralah itu hanya Kerajaan Negeri mendapat sebanyak RM298,000 sahaja yang telah diterima. Bagi meneruskan pelaksanaan projek itu, selebihnya Kerajaan Negeri terpaksa menanggung sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, paling menghairankan di dalam Kerajaan Pusat yang ingin meluluskan peruntukan tambahan dalam Maksud 3.7 - Jabatan Perdana Menteri, peruntukan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan untuk membiayai Projek Bekalan Air Kelantan Utara, sebanyak RM80 juta, belum dilaksanakan. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri Kelantan telah menandatangani pinjaman.....

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sebentar. Ada

Puan Kalthom binti Haji Othman: yang dikemukakan oleh Kerajaan Persekutuan ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,....

Puan Kalthom binti Haji Othman:dan dokumen tersebut telah dihantar kepada Perbendaharaan Malaysia....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri laluan?

Puan Kalthom binti Haji Othman:pada 23hb Mei, 1993.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sebentar. Ada yang minta penjelasan, beri laluan atau tidak?

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tidak. Dokumen tersebut telah dihantar untuk ditandatangani oleh wakil Kerajaan Persekutuan. Sehingga kini, Projek Perbekalan Air Kelantan Utara masih tidak dapat dilaksanakan. Sewajarnya, program tersebut tidak patut dilengah-lengahkan.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Minta maaf, saya tidak beri. **[Ketawa]** Saya tidak izin. Tidak patut dilengah-lengahkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan kerana ia merupakan projek untuk kepentingan umum. Di sini, saya ingin mengatakan bahawa bekalan air ini merupakan sumber asasi keperluan rakyat dan saya menyarankan kepada Kerajaan Persekutuan supaya dapat meneruskan projek yang telah ditetapkan ini. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin.

4.16 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama mengambil bahagian untuk membahaskan suatu Rang Undang-undang untuk Perbekalan Tambahan yang berjumlah RM296, 393, 300. Dalam perbahasan ini, saya akan menyentuh

beberapa perkara mengenai Maksud 3.7 iaitu Perbekalan Tambahan Jabatan Perdana Menteri, iaitu RM192,500,000. Saya hendak mengatakan kepada Majlia di Dewan yang mulia ini, saya menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan yang telah pun setiap kali kita bersidang di Dewan Negara ini sentiasa ada peruntukan-peruntukan tambahan demi untuk kepentingan rakyat.

Saya nampak Kerajaan kita, iaitu Kerajaan Malaysia ini, adalah sebuah Kerajaan yang benar-benar Kerajaan yang berteraskan seperti yang telah diagung-agungkan dalam cogankata kita sendiri, Barisan Nasional, iaitu "Kerajaan Barisan Nasional Membela Rakyat". Apa yang kita lihat, saya hendak mengatakan sebagai orang di negeri Kelantan sebagai orang yang hidup di bawah Kerajaan Perpaduan Ummah di negeri Kelantan iaitu selama Kerajaan, Angkatan Perpaduan Ummah memerintah negeri Kelantan hampir 3 tahun Iebih, rakyat di negeri Kelantaa rata-rata telah menyatakan bahawa mereka berada di bawah Kerajaan yang tidak sama dengan Kerajaan Persekutuan tetapi masih mendapat layanan yang istimewa daripada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Barisan Nasional telah menuniukkan keadilannya kepada seluruh rakyat Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang disebutkan dalam Perbekalan Tambahan ini iaitu membina jalan-jalan dan memberi kemudahan-kemudahan asas kepada rakyat di seluruh negara, maka termasuklah negeri Kelantan. Saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan dan saya ingin pihak Kerajaan menjawab dengan tepat, sudah berapa banyakkah pembangunan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan ke dalam negeri Kelantan ini semenjak kekalahan Kerajaan

Barisan Nasional pada tahun 1990 yang lalu? Kerajaan perlu menyatakan secara detail kerana tuduhan yang telah diberikan oleh pihak Pembangkang sehingga soalan-soalan yang saya hendak mengemukakan sebentar tadi tidak diberi laluan oleh rakan saya. Saya pun tidak berkecil hati kerana dia membaca. Kalau banyak dijawab, nanti hilang apa yang dia tulis. **[Tepuk]**

Walaupun soalan saya tidak dapat dijawab tetapi saya lebih senang dijawab oleh pihak Kerajaan kerana setahu saya, kalau di negeri-negeri lain negeri Selangor, Negeri Sembilan, negeri Terengganu, negeri Pahang, negeri Kedah, di seluruh negara, mendapat rancangan di bawah PPRT dan ASB untuk membela nasib rakyat yang termiskin. Namun di negeri Kelantan, tidak ketinggalan. Rakyat Kelantan menerima nikmat tersebut. Yang Berhormat Dato' Haji Annuar Musa yang merupakan sebagai Menteri yang bertugas khusus untuk negeri Kelantan telahpun bertanggungjawab, telah menyatakan kepada rakyat Kelantan seluruhnya dan membuat satu arahan bahawa pemberian ASB, pemberian PPRT ke seluruh rakyat Kelantan tidak memilih politik dan perjuangan mereka. Asalkan mereka miskin, cukup syarat yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan, mereka merupakan golongan-golongan yang memerlukan. Maka arahan daripada Yang Berhormat Dato' Haji Annuar Musa dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan. Kalau membuat arahan supaya memberi layanan yang seadil-adilnya. Walaupun kita tahu dengan angkuh dan sompong pemimpin PAS berkata: "Kita tidak memerlukan pembangunan kerana pembangunan yang penting ialah pembangunan rohaniah".

Tetapi sebenarnya, Kerajaan Barisan Nasional terus melaksanakan tugasnya, memberi keadilan yang sepenuh-penuhnya kepada rakyat Kelantan. Selain daripada pemberian ASB, PPRT dan kemudahan-kemudahan asas yang lain Kerajaan Negeri Kelantan patut berterima kasih dan bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana semenjak Kerajaan PAS memerintah Kelantan, walaupun Kerajaan Barisan Nasional tidak memerintah Kelantan, pembinaan Hospital Pasir Puteh diteruskan, pembinaan Hidro-elektrik Pergau diteruskan, bukan harga yang murah tetapi tabiat orang PAS sudah lari, tidak ada.

Tabiat orang PAS, tabiat pemimpia PAS hatta Menteri Besar sampailah kapada anak buah dia, tidak pandai bersyukur, tidak pandai berterima kasih kepada orang yang telah membuat jasa. Ia tidak mengerti perasaan berterima kasih walhalnya, apa yang saya lihat pembangunan terus masuk ke negeri Kelantan tidak henti-henti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bekalan air Kelantan Utara RM80 juta. Apa yang orang PAS dok sibuk? Ini tugas Kerajaan Negeri dan bekalan air Kelantan Utara ini adalah merupakan janji PAS dalam pilihanraya yang lalu. Janji PAS ini telah diberikan kepada seluruh rakyat Kelantan sebab itu PAS sibuk-sibuk.

Yang Berhormat Kalthom sudah tidak ada. Tetapi dia terpaksa sebut ini kerana pilihanraya sudah hampir. Kalau ini tidak dijalankan, maka rakyat: Kelantan selain daripada pelaksanaan hudud,

rakyat Kelantan akan melihat betapa pemimpin-pemimpin PAS hanya bercakap tetapi tidak dapat melaksanakan janji yang telah dibuat dalam pilihanraya yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pada peruntukan B.7 ini iaitu di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya memohon kepada pihak Kerajaan menyatakan berapakah hutang yang masih ada daripada Kerajaan Kelantan yang belum dibayar kepada Kerajaan Persekutuan? Berapakah jumlah peruntukan yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan demi kepentingan rakyat Kelantan? Begitu juga, saya difahamkan bahawa dalam 3.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sekarang ini saya difahamkan Kerajaan PAS sudahpun membuat projek-projek dalam jajahan di peringkat majlis-majlis daerah dan majlis perbandaran. Tetapi, oleh kerana tidak ada hubungan yang baik antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Negeri tidak dapat samasekali untuk mempertimbangkan perbelanjaan yang telah dilaksanakan dengan wang yang sepatutnya diuntukkan kepada majlis-majlis daerah dan juga Majlis Perbandaran Kota Bharu.

Ini adalah menunjukkan bahawa Kerajaan PAS yang telah memerintah semenjak 1990 yang lalu sehingga kepada hari ini, adalah sebuah Kerajaan yang lemah. Bukan sahaja lemah dalam soal pentadbiran kewangan tetapi lemah dalam mencari pelaburan, lemah di dalam mempertingkatkan perekonomian rakyat negeri Kelantan, lemah di dalam soal-soal untuk membangunkan rakyat Kelantan. Apabila unsur-unsur kelemahan ini timbul kepada rakyat Kelantan dapat dilihat oleh rakyat Kelantan dengan apa yang telah ditunjukkan oleh

Kerajaan PAS, maka ia ada wakilnya di dalam Dewan Negara ini. Datanglah ke sini dan hendak menyatakan kononnya Kerajaan Persekutuan tidak melaksanakan keadilan. Kononnya Yang Berhormat Dato' Haji Annuar Musa yang menjadi wakil khas Kerajaan Persekutuan di negeri Kelantan tidak melaksanakan tugasnya dengan baik. Kononnya tidak menyampaikan cek dan sebagainya.

Kalau kita rasa kita ada kemampuan, kita laksanakan. Sedangkan dalam masa pilihanraya yang lalu kalau kita dengar permimpin-pemimpin PAS berucap seolah-olah merekalah yang mempunyai kelebihan dan merekalah yang mampu membuat segala-galanya. Ibarat kata orang, kalau orang jual ubat, jual ubat satu jenis itu boleh sembah semua penyakit. Macam itulah ucapan pemimpin-pemimpin PAS.

Jadi inilah apabila sudah tiga tahun lebih memerintah Kelantan ia tidak dapat melihat untuk membangunkan rakyat Kelantan dengan jasa yang dapat ditunjukkan oleh Kerajaan PAS sendiri. Tidak ada satu pembangunan pun yang dapat ditunjukkan oleh Kerajaan PAS. Hanya saya dengar berita adalah kononnya Kampung Takwa. Kampung Takwa itu sebenarnya kampung yang diidam-idamkan, yang telah dibentuk oleh Kerajaan Tan Sri Mohamad Yaakob ketika memerintah negeri Kelantan dahulu di bawah peruntukan Jabatan Perdana Menteri. Dia panggil Kampung Takwa, ubah nama sahaja. Hasil dalam kampung tersebut tidak ada apa pun pembangunan. Tidak ada apa pun kegiatan-kegiatan ekonomi untuk menolong rakyat. Maka Kerajaan PAS semakin hari semakin takut menghadapi rakyat Kelantan sendiri. Sebab itulah, ia memerlukan kepada peruntukan-peruntukan yang dapat disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Senang sahaja pada saya, kepada pemimpin-pemimpin PAS ini, kalau sudah rasa tidak mampu, kalau rasa sudah tidak dapat lagi hendak memikut perbelanjaan kewangan untuk mengurus negeri Kelantan sendiri, maka bubarkanlah Dewan (Undangan Negeri, pilihanraya dan serah balik kepada Kerajaan Barisan Nasional,

Tuan Yang di-Pertua, insya Allah, kita akan jalankan seperti kehendak Allah sebagaimana Firmannya yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah memerintah kamu melaksanakan amanah dan apabila kamu menghukum, hukumlah dengan penuh keadilan."

Inilah simbol Kerajaan Barisan Nasional. Sekiranya, Kerajaan PAS menyerah kembali Kerajaan Negeri Kelantan itu kepada kami, Barisan Nasional insya Allah tidak payah dok merayu dalam Dewan Negara, kita akan dapat membuat pengurusan kerana jarabatan tidak patah, senang menyeberang kepada Kerajaan Persekutuan. Sekarang ini yang dok sibuk-sibuk, hendak minta bekalan airlah, hendak minta itu dan hendak minta ini ialah kerana jambatan sudah patah, dipatahkan oleh PAS dan Semangat 46 dalam pilihanraya yang talu.

ini suatu hakikat, Yang Berhormat Puan Kalthom daripada PAS negeri Kelantan yang harus menginsafi dan dia harus sedar bahawa Kerajaa PAS di Kelantan hari ini sedang menghadapi suatu perkara yang besar iaitulah penunaian janji dalam pilihanraya yang lalu. Untuk dapat menuaikan janji tersebut, mereka tidak mampu dalam pelaksanaan itu untuk sendirian sahaja. Maka ia memerlukan kepada bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Kalau Kerajaan Persekutuan tidak dapat memberi sumbangan-sumbangan seperti yang

dipohon tadi, RM80 juta bekalan air Kelantan Utara dan berbagal-bagai lagi, maka jawabnya Kerajaan PAS negeri Kelantan tersepit di dalam janji pilihanraya yang lalu.

Rayuan Yang Berhormat daripada PAS tadi seolah-olah sudah menampakkan, ia telah menunjukkan kepada kita semua Ahli Dewan bahawa Kerajaan PAS sudah tidak ada kemampuan lagi dalam soal-soal kewangan untuk mengurus negeri Kelantan sendiri.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan, apakah Kerajaan sendiri akan sanggup tolong menunaikan janji-janji PAS ini. Dalam pelaksanaan bekalan air Kelantan Utara RM80 juta ini, adakah Kerajaan sendiri akan mengisi janji-janji palsu yang telah dibuat oleh PAS dalam pilihanraya yang lalu. Ini adalah penting kerana kalau sekarang ini saya masih tidak lupa, Yang Berhormat Puan kalthom dahulu bercakap tentang hudud, tentang pelaksanaan hukum Allah. Sekarang ini hudud sudah tidak boleh disebut. Pelaksanaan hukum Allah sudah tidak ada, tidak boleh hendak disebut di Kelantan kerana Menteri Besarnya sendiri sudah sebut perkara ini tidak dapat dilaksanakan. Maka sekarang ini cuba mencungkil untuk mendapat peruntukan terutama di bawah B.7 dan juga B.14.

Saya dengan rasa penuh keikhlasan kepada pihak Kerajaan perlu mendetailkan apakah sumbangan-sumbangan yang telah diberi, berapakah sumbangan yang telah diberi dan berapakah hutang yang belum dibayar dan apakah perancangan-perancangan untuk negeri Kelantan dalam Rancangan Malaysia Keenam yang dapat dilaksanakan kepada rakyat Kelantan. Perlu dijelaskan, kerana mereka bukannya memerintah negeri Kelantan untuk membangunkan rakyat Kelantan, mereka bukan bercita-cita untuk memberi pembelaan kepada rakyat Kelantan, tetapi kemenangan PAS, Angkatan Perpaduan Ummah di negeri Kelantan tak lebih daripada hanya untuk mendapat tumpuk pemerintahan dan juga kedudukan wakil-wakil rakyat mereka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin juga menyatakan bahawa bagi pihak Kerajaan sendiri dalam pelaksanaan projek-projek di negeri Kelantan perlulah menerusi saluran yang telah pun diputuskan oleh pihak Kerajaan Persekutuan sendiri, iaitu semua projek-projek yang dilaksanakan di negeri Kelantan, sama ada di bawah B.7 ataupun 3.14, hendaklah disalurkan di bawah Jabatan Pembangunan Persekutuan, iaitu satu-satunya sebuah Jabatan Penyelaras untuk keseluruhan Jabatan-jabatan Persekutuan dan juga projek-projek pembangunan yang ada di negeri Kelantan. Di samping itu, perlu juga diberi penjelasan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya menjemput Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak untuk mempengerusikan Majlis ini.

[Dato' Azumu bin Tak mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Azumu bin Tak: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyatakan ini di mailis yang mulia ini, saya memerlukan kepada pihak Kerajaan menyatakan apakah fungsi ataupun tugas Jabatan Pembangunan Persekutuan yang diwuiudkan di negeri Kelantan. Kerana apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada PAS sebentar tadi menampakkan seolah-olahnya segala peruntukan, segala pelaksanaan yang dibuat oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan seolah-olahnya tidak merupakan suatu sumbangan untuk membela rakyat Kelantan. Sebenarnya penjelasan perlu diberi oleh Kerajaan kerana Jabatan Pembangunan Persekutuan telah melaksanakan kerja mereka, boleh dikatakan sepanjang masa dan ketika untuk memberi begitu besar sumbangan untuk kepentingan penghidupan rakyat Kelantan seluruhnya.

Saya memohon kepada pihak Kerajaan untuk memberi jawapan mengenai apakah peranan-peranan yang dilaksanakan oleh JPP, khususnya dalam pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan juga di bawah Mailis-majlis Daerah dan iuga Majlis Perbandaran Kota Bharu. Setakat ini, walaupun ini merupakan agensi Kerajaan Persekutuan yang mana majlis daerah dan Majlis Perbandaran Kota Bharu, tetapi dalam segi soal wang sumbangannya, setakat ini sebanyak manakah pihak Kerajaan telah menyumbangkan. Saya lihat barangkali ada di antara rakan-rakan kita daripada Kelantan sendiri dapat melihat dalam majlis-majlis daerah sekarang ini jalan-jalan

yang cantik masih dibina. Kalau Kerajaan Persekutuan tak sumbang, saya nampak tak mungkin perkara itu dapat dilakukan. Jadi itulah, sebagai rakyat Kelantan, saya mengucapkan sekali lagi setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan juga di bawah B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah memberi begitu besar sumbangan kepada negeri Kelantan untuk pembangunan dan juga pembelaan kepada rakyat Kelantan.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Azumu bin Tak: Yang Berhormat Tuan Saidin.

4.34 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk memberikan sepatah dua pandangan saya berhubung dengan Akta Perbekalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan bagi menyokong Akta Perbekalan Tambahan 1993 yang diperuntukkan sebanyak RM 296,353,300 daripada Kumpulan Wang Disatukan, maka saya ingin menyentuh beberapa perkara.

Menyentuh Maksud B.26 Kementerian Pendidikan yang diperuntukkan PM14,360,000 bagi menampung kekurangan peruntukan Perbelanjaan Mengurus UIA dan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam. Saya berharap daripada peruntukan tersebut, walaupun tidak begitu banyak, sepatutnya lebih banyak lagi peruntukan, biar meningkat melebihi PM20 juta, semoga UIA dan institut itu dapat memainkan

peranan ke arah yang memberi kesan positif kepada ummah dan mempertingkatkan pemikiran dan kefahaman luas tentang Islam. UIA dan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam dapat membuka peluang yang luas kepada masyarakat negara. ini khususnya supaya gejala-gejala buruk yang menghantui pemikiran yang sempit dan kolot dapat dimainkan oleh kedua-dua institusi itu. Rakyat negara ini masih ramai terpengaruh dengan kefahaman kebendaan. Justeru itu, pemikiran yang menghantui mereka, percaya kepada karut-marut. Contohnya, sehingga beribu-ribu orang terpesona dengan "Mona" dan lain-lain bomoh dan tok-tok guru yang fanatik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mendapat kefahaman daripada Kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan adakah institusi pelajaran yakni semua peringkat sudah bersedia dan membuat suatu perubahan bagi membanteraskan tembok-tebok yang menghalang perubahan kemajuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat hendak bercakap panjang. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang itu. Terima kasih.

Dato' Azumu bin Tak: Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.37 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]; Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan kepada enam Ahli Yang Berhormat yang berucap semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, iaitu Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, Yang Berhormat Puan Kalthom, Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah, Yang Berhormat

Ustazah Zaleha dan Yang Berhormat Tuan Haji Saidin. Mengikut peraturannya, maka saya bagi pihak Kerajaan, iaitu bagi pihak Kementerian Kewangan akan meniawab kesemua persoalan-persoalan yang dibangkitkan semasa perbahasan. Oleh hal yang demikian, mungkin ada beberapa perkara yang tidak termampu untuk saya menjelaskan secara detail, bagi maksud itu saya cadangkan supaya Ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara tersebut dengan Kementerian-kementerian berkenaan apabila tiba masanya kelak.

Pertama sekali saya ingin menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba. Yang pertama, beliau menegur kenyataan akhbar oleh Ketua Eksekutif Amanah Saham Nasional berkaitan dengan kes tersalah bayar dividen dan bonus kepada 1,377 orang pelabur dalam ASN/AS3. Beliau mengatakan bahawa perkataan "tipu" . mungkin menyentuh perasaan orang kampung dan seharusnya perkataan tersebut tidak digunakan. Kerajaan mengambil perhatian berat terhadap pandangan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba dan ingin memberi jaminan bahawa kita akan berhati-hati semasa mengeluarkan kenyataan-kenyataan berkaitan perkara ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kes ini mula dipaparkan dalam media massa setelah berlaku satu kes di mana seorang daripada Johor telah tersilap bayar kira-kira RM37,867 dalam akaunnya dan sejak itu kes ini mendapat liputan yang luas dalam media massa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian juga, sebenarnya yang terlebih bayar jumlahnya ialah 4,728 orang kesemuanya dengan nilai sebanyak RM3.4 juta. Apa yang berlaku setelah tindakan diambil oleh pihak ASN/ASB kira-kira 50% daripada mereka yang terlibat telahpun membayar balik wang yang terlebih dibayar itu, iaitu daripada 4,728 orang hanya tinggal 1,377 orang yang belum mengembalikan lebihan yang dikreditkan dalam akaun mereka dan akaun yang terlibat ialah kira-kira RM1.4 juta.

Dalam kes ini, pihak PNB sedang mengambil langkah untuk menghubungi pihak-pihak yang berkenaan agar mereka tampil ke hadapan dan sekiranya bayaran balik itu membebankan mereka, maka pihak ASN/ASB sanggup untuk meringankan bebanan mereka dengan bersetuju supaya bayaran dibuat secara ansuran.

Dalam hal ini ingin ditegaskan bahawa menjadi tanggungjawab mereka yang berkenaan untuk membayar balik wang yang terlebih dibayar itu sebagai orang Islam yang memegang amanah maka sewajaryalah wang yang bukan hak mereka itu dipulangkan balik kepada pihak yang berkanaan. Jadi, itu penjelasan berkaitan dengan kenyataan saham ASN/ASB.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah penyelidikan telahpun dijalankan, kenapakah lebih bayaran ini berlaku. Apakah benar-benar mereka-mereka yang seramai 1,300 orang

tadi telahpun melakukan secara penipuan ataupun berlaku kesilapan kepada pihak PNB sendiri.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Memang terdapat kesilapan kerana sepetimana sedia maklum, bilangan pelabur ASN/ASB ini adalah besar iaitu 3,4 juta orang. Ini satu angka yang amat besar, kira-kira 44% daripada seluruh rakyat Malaysia yang layak melabur dalam ASN/ASB. Jadi, dalam konteks 3.4 juta akaun itu, bilangan 1,377 merupakan satu angka yang amat kecil. Dan kesilapan yang berlaku ada hubungannya dengan kesilapan komputer di ASN/AS3. Tidak berlaku sebarang penipuan di kalangan pelabur-pelabur. Apa yang berlaku ialah ada di antara mereka yang enggan membayar balik lebihan wang yang dikreditkan di dalam akaun mereka. Itu yang berlaku, iaitu keengganan beberapa orang daripada mereka memulangkan balik jumlah yang telah tersalah kredit dalam akaun mereka. Itu sebagai penjelasan.

Perkara kedua yang dibangkitkannya ialah berkaitan dengan skim PPRT/ASB ini. Yang Berhormat Tuan Rahim mencadangkan supaya agar bantuan pinjaman yang diberi oleh Kerajaan berjumlah RM5,000 ini sampai ke sasarannya. Kerajaan ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan berusaha sedaya-upaya untuk memastikan bahawa setiap wang yang diperuntukkan itu sampai kepada sasaran iaitu untuk membantu golongan termiskin, di mana "golongan termiskin" ini didefinisikan sebagai mereka yang berpendapatan kurang daripada RM175 sebulan. Dalam pada itu mungkin ada satu dua yang tersilap. Dalam hal ini, pihak-pihak yang berkenaan hendaklah memaklumkan kepada Pejabat Daerah sekiranya ada yang mendapat pinjaman di bawah ASB ini sebenarnya tidak layak.

Dalam hubungan ini, ingin gaya maklumkan Dewan pada hari ini bahawa di bawah skim ASB ini sejumlah RM500 juta diperuntukkan oleh Kerajaan sehingga 4hb Ogos iaitu semalam dan kesemua peruntukan RM500 juta telahpun habis. Sebenarnya sehingga semalam peruntukan yang dikeluarkan untuk membantu golongan termiskin di bawah ASB/PPRT ini ialah RM506.2 juta berbanding dengan peruntukan RM500 juta. Peruntukan ialah RM500 juta dan yang dibelanjakan sehingga ini iaitu RM506.2 juta melibatkan 101,234 peminjam iaitu mereka yang layak di bawah skim ASB ini.

Jadi Kerajaan ingin menegaskan bahawa skim ini memang memberi faedah yang amat besar kepada rakyat termiskin dan kita tahu bahawa rancangan kerajaan ini amat dihargai oleh pihak-pihak berkenaan.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Rahim ada juga membangkitkan tentang majlis-majlis perbandaran di mana beliau menyatakan bahawa ada di antara majlis-mailis perbandaran ini yang menggunakan kawasan lapang untuk kegiatan-kegiatan lain umpamanya untuk mengadakan ruang tempat letak kereta dan ruang niaga. Kerajaan, khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mengambil maklum teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Rahim.

Dalam hubungan ini, saya difahamkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa jika ada kes-kes begini berlaku, ada di antara kes-kes tersebut merupakan kes-kes di mana pembangunan itu berbentuk sementara. Umpamanya, parking lot yang diadakan ataupun ruang niaga untuk peniaga kecil yang diadakan itu ada di antaranya merupakan projek-projek sementara dan apabila penempatan semula dibuat, maka majlis-majlis perbandaran berkenaan akan mengambil

tindakan untuk mewujudkan kembali kawasan lapang yang memang disyaratkan oleh pihak berkuasa.

Seterusnya, Tuan Rahim membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan pasaran saham. Yang pertama, beliau mengemukakan pandangan bahawa papan kedua ini senang hendak dimanipulasikan oleh pihak-pihak berkenaan oleh kerana sahamnya tidak banyak dan oleh hal yang demikian, beliau mencadangkan supaya Kerajaan mengambil iktibar daripada apa yang berlaku khususnya dalam kes UPHB, iaitu kes Union Paper. Dalam hubungan ini, ingin ditegaskan bahawa peraturan-peraturan dan garis panduan mengenai urusniaga saham di BSKL yang sedia ada dirasakan mencukupi untuk mengawal kegiatan manipulasi di pasaran saham kita. Sebarang kegiatan yang disyaki melanggar peraturan akan diambil tindakan sewajarnya sepetimana kes Union Paper oleh pihak-pihak yang berkenaan

Dalam kes Union Paper, untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti mana yang saya nyatakan semasa menjawab soalan ke-6 hari ini pihak berkenaan iaitu pihak Pendaftar Syarikat, pihak Suruhanjaya Sekuriti dan juga pihak Polis DiRaja Malaysia sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk menyiasat segala salah-laku yang berlaku dan, insya Allah, dalam hal ini pihak-pihak yang berkuasa berkenaan akan mengambil tindakan yang tegas di bawah peraturan yang sedia ada bagi mengelak kejadian seperti ini daripada berulang di masaakan datang.

Berkaitan dengan pengumuman yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL, mengenai peluang pelaburan khususnya yang diperolehi di negeri China, ingin dimaklumkan bahawa pihak BSKL sentiasa mengawasi kenyataan yang dikeluarkan agarnya ianya tidak dibuat dengan sewenang-wenangnya.

Dalam hubungan ini, ingin saya nyatakan bahawa dalam pasaran saham ini ada sekurang-kurangnya ada tiga actors atau pelakun utama. Yang pertama ialah pihak-pihak berkuasa yang kedua ialah syarikat-syarikat broker saham dan yang ketiga ialah pihak pelabur-pelabur sendiri. Oleh hal yang demikian, seperti mana yang selalu ditekankan oleh pihak Kerajaan, pemimpin-pemimpin Kerajaan, para pelabur juga harus memainkan peranan dalam menentukan bahawa mereka tidak terbawa-bawa oleh khabar-khabar angin ataupun melabur berasaskan kepada fakta-fakta yang kurang tepat. Dalam hal ini Kerajaan sekali lagi ingin menegaskan bahawa selain daripada peranan yang memang dimainkan oleh pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan, pihak pelabur juga harus memainkan peranan mereka untuk menentukan bahawa pelaburan mereka itu tidak berasaskan kepada fakta-fakta yang palsu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Tuan Rahim Baba membangkitkan tentang subsidi yang diberikan kepada perkhidmatan udara di luar bandar di Sabah dan Sarawak. Antara rasionalnya kenapa subsidi tersebut diberikan kepada Syarikat Penerbangan Malaysia ialah mengambil kira sistem perhubungan yang kurang baik di kedua-dua buah negeri.

tersebut dan sekiranya tambang kapal terbang antara destinasi luar bandar di Sabah dan Sarawak itu terlalu tinggi, maka ini akan menjelaskan hubungan antara rakyat di kedua-dua buah negeri. Oleh hal yang demikian, Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa sekiranya keuntungan MAS itu kurang daripada 15% daripada dana saham yang digunakan, maka pihak Kerajaan akan memberi subsidi kepada pihak MAS bagi menampung kerugian yang dialami oleh pihak MAS.

Yang Berhormat Tuan Rahim telah mencadangkan supaya subsudi ini juga dilanjutkan kepada destinasi-destinasi di Semenanjung Malaysia. Kerajaan berpendapat adalah tidak wajar subsidi ini diberikan atau dilanjutkan kepada destinasi di Semenanjung Malaysia oleh kerana sistem perhubungan yang lebih baik di Semenanjung Malaysia dan oleh hal yang demikian adalah lebih senang bagi rakyat di Semenanjung ini untuk ke sana ke mari berbanding dengan Sabah dan Sarawak di mana sistem perhubungannya amat tidak memuaskan berbanding dengan keadaan di Semenanjung ini.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz membangkitkan beberapa persoalan berkaitan dengan pendidikan, Yang pertama, berkaitan dengan berapa lama seorang guru sandaran ini harus menduduki jawatan tersebut, sebelum boleh dipanggil guru tetap. Adalah difahamkan bahawa guru sandaran ini merupakan, guru yang diambil secara sementara untuk memenuhi keperluan sesuatu raasa memandangkan kekurangan begitu banyak tenaga guru terlatih dalam negara kita. Dalam hal ini, sepetimana yang telah pun dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan, urusan pengambilan pelatih-pelatih ini akan dibuat dua kali setahun dalam usaha untuk mengurangkan bilangan kekosongan jawatan guru di Sekolah-sekolah. Ini merupakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah kekurangan guru.

Selain daripada itu, guru-guru sementara yang berkhidmat lama akan diberikan kelonggaran apabila mereka membuat permohonan untuk memasuki maktab-maktab perguruan. inilah antara keistirmewaan-keistimewaan yang diberikan kepada mereka sebagai penghargaan, pengiktirafan Kerajaan kepada sumbangan mereka menjadi guru sandaran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz juga membangkitkan tentang penswastaan maktab-maktab latihan di negara ini. Beliau menyarankan

agar Maktab-maktab Perguruan diswastakan bagi membolehkan kita menangani masalah kekurangan guru terlatih. Dalam hal ini Kementerian Pendidikan telahpun menyatakan pendiriannya bahawa adalah tidak perlu maktab-maktab perguruan ini diswastakan.

Sepertimana kita sedia maklum, antara rasional utama kenapa penswastaan dilaksanakan ialah untuk meringankan beban kewangan Kerajaan. Itu yang pertama.

Yang kedua, ialah untuk meningkatkan tahap kecekapan dalam Kerajaan dan dalam kes ini apa yang berlaku ialah, oleh kerana pertambahan bilangan murid yang begitu besar dan oleh kerana pembinaaa maktab-maktab perguruan mungkin tidak dapat memenuhi pertambahan tersebut, maka terdapat pada satu jangka raasa yang singkat kekurangan ini.

Kerajaaa yakia bahawa dalam sedikit masa lagi, masalah kekurangan guru terlatih ini akan dapat diatasi dan dengan itu persoalan sama ada maktab latihan harus diswastakan ataupun tidak, tidak berbangkit lagi.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz juga membangkitkan berkaitan dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam kursus-kuraus yang diberikan oleh universiti-universiti, yang mempunyai cawangan di negara kita. Ini merupakan pandangan yang dibuat oleh beliau dan pandangan ini diambil perhatian oleh Kerajaan.

Yang akhir sekali, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz membangkitkan tentang Sistem Penerbangan Malaysia, di mana mengikut beliau Sistem Penerbangan Malaysia masih lagi memberikan keutamaan ataupun memberi keistieaan, yang pada pandangan beliau terlalu banyak kepada keluarga DiRaja yang menaiki pesawat kapal terbang. Antaranya diletakkan kain kuning di belakang seat dan juga dikosongkan tempat di sebelah di mana keluarga DiRaja duduk dalam pesawat itu. Perkara ini akan diambil maklum oleh pihak Syarikat Penerbangan Malaysia dan saya daripada Kementerian kewangan, yang mana mempuayai Ahli Lembaga Pengarah dalam Syarikat Penerbangan Malaysia ini juga akan membangkitkan perkara ini dengan wakil Kementerian Kewangan di dalam Lembaga Pengarah Syarikat Penerbangan Malaysia.

Yang ketiga, rnengambil bahagian dalam perbahasan ini ialah Puan Hajah Selamiah binti Hashim. Beliau membangkitkan tentang Kementerian Belia dan Sukan, antara lain mencadangkan supaya diadakan kursus-kursus motivasi, kerohanian dan perlu diadakan kerjasama yang lebih erat antara Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan. Perkara ini memang berlaku dan kita akan teruskan kerjasama erat yang sentiasa ada antara Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pendidikan.

Berkaitan dengan latihan, beliau menyarankaa supaya satu kerahan tenaga diadakan untuk melatih secara intensif belia-belia kita, untuk menyediakan mereka bagi menghadapi cabaran Wawasan 2020.

Kerajaan memang memberi perhatian kepada latihan melalui bukan sahaja Kementerian Belia dan Sukan, tetapi Kementerian-kementerian yang lain. Melalui Kementerian Belia dan Sukan sahaja, Kerajaan telah menubuhkan Institut Belia Negara dan sebagainya bagi melatih golongan muda kita bagi memperolehi skill atau kemahiran tertentu.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman banyak membangkitkan tentang isu-isu berkaitan dengan pendidikan. Perkara ini dan banyak dibangkitkan oleh Puan Kalthom tadi telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin, dan tidak perlulah saya pergi secara mendalam perkara-perkara yang dibangkitkan tadi. Cuma saya suka membuat ulasan, yang pertama, ingin saya menekankan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak Sekali-kali mendiskriminasikan Kerajaan Negeri Kelantan dan juga Sabah. Dalam hubungan ini kita tetap melakukan tanggungjawab kita untuk membangunkan seluruh Malaysia dan ini harus disedari oleh semua pihak.

Berkaitan dengan dakwaan beliau bahawa kita tidak memberi perhatian kepada pendidikan Islam. Dalam keghairahan beliau berhujah, maka antara perkara yang dibangkitkan atau antara tuduhan dan tuduhan yang dibuat ialah Kerajaan Barisan Nasional ini tidak memberi perhatian kepada pendidikan Islam dalam negara kita. Oleh kerana kes bantuan kepada Sekolah Agama Yayasan Islam Kelantan ini, maka dibabitkan dan dituduh oleh beliau bahawa Kerajaan Persekutuan tidak menitikberatkan pendidikan Islam di negara kita ini. Ini satu tuduhan yang amat melulu, satu fitnah

yang tidak bertanggungjawab. Sesiapa sahaja yang tahu dan faham serta ingin faham, ingin sedar tentang keadaannya dari segi Malaysia ini, tahu bahawa Kerajaan hari ini memberi perhatian yang begitu besar kepada pendidikan agama dan pendidikan moral melalui kurikulum sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, melalui kelas-kelas fardhu ain. Dan ini dengan jelasnya menunjukkan betapa Kerajaan Pusat memberi perhatian yang begitu gigih, perhatian yang begitu berat, serius terhadap pendidikan Islam di sekolah-sekolah dan Kerajaan akan meneruskan, bukan setakat meneruskan tanggungjawab ini, tetapi akan memperhebatkan. lagi program-program ini kerana ini selaras dengan hasrat kita hendak mewujudkan manusia yang seimbang dalam negara Malaysia ini, di mana kita berkeseimbangan dari segi pembangunan material dan spiritual.

Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman juga membangkitkan tentang beberapa peruntukan, antaranya geran keseimbangan yang dikatakan lewat dikeluarkan tahun lalu dan beliau menyeru agar geran ini dapat dipercepatkan tahun ini.

Sepertimana yang telahpun dinyatakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin. satu masa dahulu Kerajaaa di Kelantan ini, antara pandangannya ataupua antara tuduhan yang dikemukakan kepada kita ialah bahawa kita ini tidak mementingkan Islam. Mereka berkata bahawa mereka tidak perlukan pembangunan dan mereka juga berkata bahawa mereka boleh berdikari dan tidak perlu bergantung kepada Pusat.

Ada di kalangan pemimpin-pemimpin PAS dan Semangat 46 ini berkata bahawa sebenarnya Kerajaan Negeri Kelantan ini kaya, dan Kerajaan Negeri Kelantan tidak perlu sedikitpun bantuan daripada Kerajaan Pusat, ini yang diperkatakan sebelum pilihanraya dan masih lagi diperkatakan pada hari ini oleh pepimpin-pemimpin tertentu. Oleh hal yang demikian, amat menghairankan kita pada hari ini, dalam Dewan yang mulia ini wakil PAS seolah-olah menagih simpati daripada Kerajaan Pusat, memohon peruntukan, bukan setakat memohon peruntukan yang wajib diberikan, kalau boleh memohon agar peruntukan ditambahkan bagi Negeri Kelantan. Jadi, pada satu ketika penyokong-penyokong Kerajaan Negeri Kelantan ini menyatakan bahawa mereka tidak perlu sebarang bantuan daripada Kerajaan Pusat dan mereka berkata Kerajaan Negeri Kelantan ini sebenarnya boleh berdikari, kaya dan mempunyai sumbernya sendiri.

Pada hari ini kita mendapat satu gesaan dari wakil Kerajaan Kelantan yang seolah-olah meminta sedekah memohon agar Kerajaan Pusat membantu mereka. Ini amat menghairankan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Kalthom juga semasa berucap menyatakan, dalam konteks bantuan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan ini beliau berkata bahawa adalah menjadi tanggungjawab 'ayah' - seolah-olah lebih kurang untuk membantu anak-anaknya, Disifatkannya Kerajaan Pusat ini sebagai 'ayah' dan Kerajaan Negeri Kelantan itu sebagai 'anak'. Alangkah manisnya perkataan-perkataan yang digunakan oleh beliau ini,

Jika inilah yang disuarakan di kampung-kampung, jika mereka ini mengiktiraf kita sebagai 'ayah' dan mereka mengakui mereka itu 'anak', maka kita amat berterima kasih. Tetapi hakikatnya adalah sebaliknya. Apa yang berlaku di Kelantan, mereka menyifatkan 'ayah' ini kafir, 'ayah' ini taghut, 'ayah' ini tolak Al-quran, 'ayah' ini tidak sukaan Islam.

Jadi, kita hendak tanya pemimpin-pemimpin PAS ini, adakah mereka menganggap kita ini 'ayah' sedangkan pemimpin-pemimpin mereka di bawah menganggap atau melabelkan kita dengan label-label yang amat memalukan kita semua. Jadi, ini persoalan yang kita ingin bangkitkan kepada mereka.

Puan Hajah Kalthom juga membangkitkan tentang pinjaman RM80 juta untuk Bekalan Air Kelantan Utara. Seperti mana beliau menyatakan bahawa perjanjian ini sudah pun ditandatangani oleh

Kerajaan Negeri Kelantan dan sekarang ini ada pada Kerajaan Pusat iaitu Kementerian Kewangan. Dalam hal ini juga kita ingin menekankan bahawa Kerajaan Pusat masih lagi mengkaji permohonan ini dan saya ingin menekankan sekali lagi bahawa jika sekiranya Kerajaan PAS bermaksud hendak mengadakan **titian** ataupun jambatan dengan Kerajaan Pusat, janganlah dihentam kita di kampung-kampung dan di seluruh pelusuk negeri Kelantan mengatakan bahawa kita menolak Islam, kita tidak mahu Al-Quran dan sebagainya. Itulah antara jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Puan Hajah Kalthom.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Puan Hajah Zaleha, seperti mana yang saya katakan tadi telahpun menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Puan Hajah Kalthom. Cuma ada dua perkara yang beliau ingin tahu. Yang pertama, berapa banyakkah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat sejak Kerajaan APU memerintah di Kelantan. Kedua, beliau ingin tahu berapa banyakkah hutang Kerajaan Negeri Kelantan sehingga kini,

Yang pertama, berkaitan dengan pembangunan di Kelantan, pada tahun 1991 dan 1992, kira-kira RM200 juta setahun dibelanjakan untuk projek-projek pembangunan negeri Kelantan. RM200 juta setahun adalah satu angka yang besar dan ini meliputi projek-projek sekolah, projek-projek jalan raya, projek-projek pembangunan hospital seperti Hospital Pasir Puteh yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi itu dari segi jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat. Ini tidak termasuk perbelanjaan RM1.4 ribu juta untuk projek Hidro-Elektrik Pergau, satu projek raksasa yang diteruskan pembinaannya

oleh Kerajaan. Pusat walaupun ada sedikit sebanyak masalah di peringkat awal.

Persoalan yang kedua yang dibangkitkan ialah berkaitan dengan hutang Kerajaan Negeri Kelantan kepada Kerajaan Pusat yang pada masa ini berjumlah kira-kira RM697 juta kesemuanya, yang belum dibayar. Tunggakan pinjaman seperti mana yang telah saya umumkan dua minggu yang lalu dalam Dewan Rakyat, kira-kira RM380 juta yang tertunggak di mana terdapat kelewatian dalam pembayaran balik. Yang belum dibayar RM697 juta, tetapi tunggakannya iaitu bayaran balik yang sudah lama tertunggak yang sepatutnya dibayar lama dahulu ialah kira-kira RM380 juta. itu fakta-fakta berkaitan dengan peruntukan dan juga hutang Kerajaan Negeri Kelantan.

Seterusnya Puan Hajah Zaleha membangkitkan tentang peranan JPP atau pun Jabatan Pembangunan Persekutuan. Peranannya tidak lain tidak" bukan ialah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan negeri Kelantan. Projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat kesemuanya disalurkan melalui JPP **ini**, manakala projek-projek Kerajaan Negeri dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Jadi, kesemua projek yang saya nyatakan tadi kira-kira RM200 juta setahun - tahun lepas dan tahun sebelumnya - adalah dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri Kelantan.

Puan Hajah Zaleha juga menyentuh tentang projek-projek PPRT. Walaupun Kelantan diperintah oleh Kerajaan APU, Kerajaan Pembangkang tetapi Kerajaan Pusat tetap melaksanakan projek-projek khususnya untuk membantu golongan termiskin. Negeri Kelantan, untuk PPRT **ini**, kita sudah membelanjakan kira-kira RM55 juta di mana kira-kira

11,000 orang telah mendapat faedah dan maafaat daripada Skim Pinjaman ASB/PPRT. Selain daripada itu pihak KEMAS juga melaksanakan program-programnya untuk membantu golongan termiskin. Jelas kepada kita bahawa walaupun Kerajaan PAS memerintah Kelantan, Kerajaan Pusat terus memainkan peranannya untuk membela rakyat Kelantan, khususnya golongan termiskin.

Bagi peniaga-peniaga pula, kalau kita lihat kepada bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat, banyak sekali bantuan yaag diberikan olch Kerajaan Pusat untuk membantu peniaga-peniaga yang menghadapi masalah. Umpamanya di bawah EPU, di bawah skim rundingan terus di mana kita memberikan projek secara terus kepada kontraktor yang menghadapi masalah di satu ketika dahulu. Baru-baru ini kita telah mengeluarkan 13 sijil kepada kontraktor negeri Kelantan untuk melaksanakan pelbagai projek yang nilainya kira-kira RM40 juta, ini semua adalah usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan, bukan sahaja untuk melaksanakan projek tetapi juga yang lebih penting ialah untuk memastikan nasib golongan termiskin adalah terbela. Itulah perkara-perkara utama yaag dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Saidin membangkitkan tentang UIA dan ISTAD di mana kira-kira RM14 juta dipohonkan tambahan peruntukan dalam tahun ini. Kerajaan mengambil perhatian pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Saidin itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kewangan sekali lagi merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, Yang Berhormat Tuan Mohamed Nazri, Yang Berhormat Puan

Hajah Kalthom, Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah, Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha dan Yang Berhormat Tuan Haji Saidin kerana mengambil bahagian dalam perbahasan kita dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993) 1993. Sekian, terima kasih.

Dato' Azumu bin Tak: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekaramg.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu telah dipersetujukan tanpa pindaan. Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993) 1993 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parliment Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sah. Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG RUMAH PENYEMBELIHAN (PENSWASTAAN) 1993****Bacaan Kali Yang Kedua****5.10 ptg.**

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S, Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi memudahkan penswastaan rumah-rumah penyembelihan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang ini dicadangkan untuk membolehkan semua rumah penyembelihan Kerajaan Persekutuan di seluruh Malaysia diswastakan. Di bawah peruntukan Rang Undang-undang ini juga, Kerajaan Persekutuan boleh memberi lesen kepada pihak swasta untuk membina atau menguruskan rumah penyembelihan, mengadakan perkhidraatan-perkhidmatan rumah penyembelihan dan mengutip yuran rumah penyembelihan mengikut kadar yang akan ditetapkan di bawah kaedah-kaedah yang akan dibuat di bawah Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat sebanyak 223 buah rumah penyembelihan di seluruh negara. Dari jumlah itu, 20 buah adalah di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan 203 buah lagi di bawah kawalan pihak berkuasa tempatan. Daripada 20 buah

rumah penyembelihan di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Haiwan, 13 buah adalah rumah penyembelihan ruminan dan 7 buah adalah rumah penyembelihan khinzir. Setakat ini, 7 buah rumah penyembelihan khinzir Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah dipajak kepada syarikat-syarikat tertentu.

Bilangan rumah penyembelihan di bawah kawalan pihak berkuasa tempatan ialah sebanyak 203 buah. Daripada jumlah ini, sebanyak 117 buah adalah dikendalikan oleh pihak swasta dan dileSEN oleh pihak berkuasa tempatan. 86 buah lagi adalah dimiliki oleh pihak berkuasa tempatan di mana 61 buah telah dipajakkan dan 25 buah lagi dikendalikan secara langsung oleh pihak berkuasa tempatan. Kebanyakan daripada rumah-rumah penyembelihan yang ada pada masa ini adalah di dalam keadaan uzur dan tidak mempunyai kemudahan untuk operasi penyembelihan yang bersih (hygienic), terutamanya rumah penyembelihan di bawah kawalan pihak berkuasa tempatan yang kecil. Oleh yang demikian, usaha secara berperingkat sedang diambil untuk menutup rumah-rumah penyembelihan yang uzur dan tidak terletak di kawasan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, huraian bagi Fasal-fasal utama Rang Undang-undang ini ialah seperti berikut:

Fasal 3 Rang Undang-undang ini memperuntukkan kuasa Menteri Pertanian untuk memberi lesen kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang tender atau cadangannya untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan rumah penyembelihan telahpun diterima oleh Kerajaan.

Fasal 4 Rang Undang-uadang ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk mengeluarkan notis bagi tujuan menggantung atau membatalkan mana-mana Lesen yang dikeluarkan jika pengendali berlesen sedang, telah atau berkemungkinan lagi melanggar mana-mana syarat lesen yang dikeluarkan kepadanya. Di bawah fasal ini, kuasa diberikan kepada Menteri untuk menggantung atau membatalkan mana-mana Lesen yang dikeluarkan jika pengendali berlesen sedang atau telah melanggar atau berkemungkinan melanggar lagi mana-mana syarat lesen yang dikeluarkan kepadanya.

Fasal 6 Rang Undang-undang ini menyatakan adalah menjadi kewajipan seseorang pengendali berlesen untuk menjamin bahawa perkhidmatan yang diberikan olehnya akan mematuhi standard prestasi yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Fasal 8 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada seseorang pengendali berlesen untuk memungut caj dan fee,

Fasal 19 bertujuan mengesahkan segala fee yang dipungut dan dipegangsimpan oleh mana-mana orang berkenaan dengan pengendalian mana-mana rumah penyembelihan menurut apa-apa perjanjian pajakan atau penyewaan yang telah dibuat sebelum tarikh mula berkuatkuasa Akta ini di antara Kerajaan Malaysia dan orang itu.

Fasal 20 bertujuan menyifatkan orang-orang yang telah membuat perjanjian pajakan atau penyewaan dengan Kerajaan berkenaan dengan pengendalian sesuatu rumah penyembelihan yang masih berkuatkuasa pada tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini sebagai pamegang-pemegang lesen. Lesen yang diberi di bawah Pasal ini hendaklah mengandungi terma-terma dan syarat-syarat yang tidak

kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat yang telah di-peruntukkan dalam perjanjian atau pajakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Azumu bin Tak: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah suatu Rang Undang-undang bagi memudahkan pen-swastaan Rumah-rumah Penyembelihan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haii Mohamed Nazri.

5.15 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memmberi kesempatan kepada saya untuk menyebut empat perkara sahaia berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Saya di peringkat awal menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Pertamanya, saya ingin bertanya iaitu berkenaan dengan Fasal 3, di mana telah dinyatakan bahawa Menteri boleh memberi lesen kepada mana-mana orang atau kumpulan orang. Apa yang saya ingin tahu di sini iaitu apakah di bawah Akta ini, Menteri tidak diberi kuasa untuk memberikan lesen kepada syarikat kerana kita semua tahu bahawa

syarikat dan orang adalah merupakan entity yang berbeza, Jadi, kalau kita sebut di sini bahawa lesen hanya boleh diberikan kepada mana-mana orang ataupun kumpulan orang, maka dia tidaklah termasuk kepada syarikat. Sepertimana dalam ulasan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi, ada menyebut sebelum ini iaitu bahawa syarikat ada diberikan untuk menjalankan rumah penyembelihan ini.

Dengan tidak ada diletakkan di bawah Fasal 3 ini berkenaan dengan syarikat, maka bolehlah dibacakan bahawa Menteri tidak ada kuasa untuk memberikan penswastaan ini kepada syarikat, kerana dia dengan jelas menyatakan iaitu bahawa ia hanya boleh diberikan kepada orang atau kumpulan orang. Kumpulan orang tidak boleh dipersamakan dengan syarikat, kerana kumpulan orang mempunyai makna yang berbeza kerana syarikat mempunyai legal entitynya sendiri. Sebab itu, per-cayaan saya ialah, apakah syarikat tidak boleh diberikan penswastaan rumah penyembelihan ini. Kebimbangan saya ialah kerana kalau syarikat tidak diberikaa lesen untuk mendapat penswastaan ini, kemungkinan kos rumah penyembelihan ini adalah tinggi dan hanya mampu boleh dilakukan oleh sebuah syarikat dan bukan sekumpulan orang. Jadi, untuk memastikan supaya ianya berjalan dengan licin dan tidak akan tergendala di masa-masa yang akan datang, saya mohon penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri, apakah dia tidak berkuasa di bawah Akta ini untuk memberikan kepada syarikat untuk menerima penswastaan rumah penyembelihan ini.

Yaug kedua, yang hendak saya bangkitkan ialah berkenaan dengan Pasal 4 iaitu berkenaan dengan perkataan 'berkemungkinan' Ketua Pengarah, kalau dia berpuas **hati**, bahawa seseorang pengendali berlesen 'sedang melanggar' kalau sedang melanggar itu tidak mengapalah, sebab dia memang melanggar atau 'telah melanggar' telah melanggar, bermakna telah lepas, itu boleh - tetapi ditambah juga dengan satu perkataan dan berkemungkinan melanggar. Jadi, kemungkinan ini merupakan satu perkara yang belum berlaku. Dan mungkin tidak berlaku. Jadi, apakah kita boleh mengenakan satu pembatalan kepada suatu pemegang lesen yang belum lagi melanggar, dia mungkin akan melanggar, tetapi belum melanggar, tetapi kita sudah boleh kenakan pembatalan kepada dia.

Apakah tidak, kalau kita nampak bahawa dia berkemungkinan akan langgar, kita beritahu kepada dia - awak baik berhenti cepat-cepat, sebab kalau tidak saya akan batalkan lesen ini. Saya rasa itu lebih adil. Katalah kesalahan ataupun jenayah, ia mesti ada niat dan juga mesti ada perlakuan ataupun perkara yang berlaku. Dalam **soal berkemungkinan** ini ada niat, mungkin hendak langgar. Tetapi oleh kerana belum lagi melanggar, maka dia tidak melakukan kesalahan. Kepada saya, saya merasakan ini adalah satu kuasa yang terlalu luas, dan kalau sekiranya tidak dijaga dengan baik, mungkin boleh dijadikan sebagai abuse, disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu kerana atas kepuasan hatinya sahaja sebagai Ketua Pengarah. Perkara itu belum berlaku, dia boleh buat keputusan untuk membatalkan lesen **itu**. Sistem **ini**, dengan izin, is open to abuse. Saya berharap soal berkemungkinan ini adalah tidak adil kalau kita letak, kerana kita hanya boleh membatal lesen bagi mereka yang sedang melanggar ataupun telah melanggar. Bagi mereka yang belum melanggar, tetapi ada kemungkinan hendak melanggar, maka kita harus nasihat kepada dia supaya dia jangan buat perkara ini, dia berhentikan, dan kita jangan batal lesen dia.

Jadi, ini saya mahu penjelasan daripada pihak Kementerian, boleh jadi mereka daripada pihak Kementerian memahami suasana dan keadaan dalam soal penyembelihan ini yang saya tidak tahu. Dan kalau ada yang saya tidak tahu, tolong jelaskan kepada saya mengapa-kah dimasukkan soal perkara 'berkemungkinan' ini sehinggaakan lesen-nya boleh dibatalkan, walaupun dia tidak melanggar syarat-syarat yang telah ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, saya percaya di masa yang lepas oleh kerana tidak ada penswastaan rumah penyembelihan ini, maka mereka yang melakukan penyembelihan bukan di dalam rumah penyembelihan, pada ketika itu tidak ada Akta yang mengawal aktiviti mereka. Tetapi dengan adanya penswastaan ini, bermakna apakah maknanya mana-mana penyembelihan yang dilakukan luar daripada rumah penyembelihan itu boleh dianggapkan sebagai melanggar Akta ini. Saya mengatakan perkara ini kerana kita tahu bahawa kalau kita menghadapi semasa Hari Raya Korban, kita tengok penyembelihan adalah dilakukan kadangkala di dalam ruang masjid sahaja. Dan persoalan saya apakah bagi mereka yang mahu menyembelih binatang di dalam ruang mesjid, bukan dalam rumah penyembelihan, maka apa yang mereka lakukan ini adalah satu perkara yang melanggar Akta ataupun mereka boleh diberikan lesen sementara untuk menjalankan penyembelihan itu dalam kawasan ruang masjid. Kalau dahulu tidak ada Akta berkenaan dengan penswastaan ini, saya rasa itu bebas boleh mereka buat. Kita harus mendapat penjelasan di sini kerana kita tahu pada tiap-tiap tahun, kita tengok bukan sahaja di luar bandar, malah dalam bandar pun kita tengok di ruang-ruang masjid itu bila datang sahaja Hari Raya Korban, maka diadakan penyembelihan itu yang dilakukan di dalam ruang kawasan masjid. Jadi, apakah selepas Akta ini diterimapakai, maka aktiviti yang menyembelih luar daripada rumah penyembelihan itu akan dianggap sebagai melanggar Akta Rumah Penyembelihan Penswastaan ini?

Yang terakhir sekali ingin saya bertanya, saya lihat dalam Jadual (Seksyen 2), mukasurat 15 yang menyatakan bahawa binatang-binatang yang mesti disembelihkan dalam rumah penyembelihan ini ialah "lembu/kerbau, kambing/biri-biri dan babi/babi betina." Saya

ingin mendapat penjelasan sedikit daripada pihak Kementerian mengapa bila sampai kepada binatang babi, ada babi dan babi betina. Jadi, saya ingin penjelasan apakah bagi lembu dan kerbau hanya lembu jantan sahaja yang boleh disembelih, dan lembu betina tak boleh disembelih. Ataupun ini juga boleh membawa makna hanya babi sahaja ada jantina, yang lain itu semua tidak ada jantina - lembu pondankah atau kerbau pondankah. Jadi, saya ingin penjelasan sedikit, sebab bagi binatang lain tidak disebut, iaitu tentang jantinanya. Lembu/kerbau, kambing/biri-biri, babi/babi betina. Saya minta penjelasan daripada Menteri to enlighten me, dengan izin, berkenaan dengan Jadual ini.

Itulah sahaja yang hendak saya bangkitkan, dan saya sekali lagi menyatakan iaitu saya menyokong Rang Undang-undang **ini**.

Dato' Azumu bin Tak: Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon, silakan.

5.25 ptg.

Dr, Toh Kin Woon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993. Pada prinsipnya saya menyokong rumah-rumah penyembelihan yang kini di bawah kawalan dan pengurusan Jabatan Haiwan Negeri ataupun Kuasa-kuasa Tempatan diswastakan. Ini adalah kerana dengan adanya penswastaan, keefisienan ataupun kecekapan, segala operasi rumah-rumah penyembelihan ini akan dapat dipertingkatkan, dan memang kenaikan dalam keefisienan adalah menjadi matlamat utama langkah penswastaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, adanya dua perkara penting yang saya ingin bangkitkan di Dewan ini mengenai penswastaan rumah penyembelihan. Perkara yang pertama ialah berkait dengan pihak mana kontrak penswastaan rumah-rumah penyembelihan diberikan. Kalau hal-hal adalah sama, saya ingin merayu pada pihak yang berkenaan supaya perimbangan serius harus diberikan kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam industri **ini**, Umpamanya di industri khinzir, setahu saya, ramai yang terlibat dalam industri ini menaruh minat yang kuat terhadap pengambilalih operasi-operasi rumah-rumah penyembelihan dari pihak Jabatan Haiwan Negeri. Ada di antara persatuan penternak-penternak di banyak negeri melalui persatuan-persatuan koperasi yang mereka telah tubuhkan telah mengemukakan pelan-pelan tertentu kepada EPU yang bertanggungjawab ke atas penswastaan bagi mengambilalih segala operasi rumah-rumah penyembelihan. Saya berharap koperasi ini boleh diterima sebagai kumpulan orang-orang dan justeru layak dipertimbangkan untuk diberikan lesen.

Mungkin ada juga pihak-pihak lain yang terlibat dalam industri yang mahu menceburkan dalam penswastaan. Kalau demikian, mereka boleh juga digalakkan bersama-sama dengan penternak-penternak untuk mengemukakan tawaran atau, dengan izin, bid untuk projek penswastaan rumah-rumah penyembelihan ini. Tujuan saya membuat rayuan ini ialah kerana keuntungan yang diperolehi daripada operasi rumah-rumah penyembelihan yang diswastakan itu boleh disalurkan kembali bagi memajukan dan memodenkan industri ternakan. Tambahan lagi kalau projek penswastaan diberikan kepada persatuan koperasi yang keahliannya terdiri dari penternak-penternak kecil dan sederhana, maka keuntungan ini boleh dibahagikan dengan lebih sama rata di

kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam industri ternakan. Tetapi kalau kesemuanya adalah sama, projek-projek penawastaan diberikan kepada pihak-pihak yang tidak kena-mengena dengan industri penternakan, kemungkinan besar keuntungan akan bocor keluar dari industri ternakan. Kemajuan dan pemodenan industri mungkin dijejaskan atau sekurang-kurangnya dilembabkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah berkait dengan caj yang dikenakan kepada pemegang lesen yang diberikari lesen untuk mengendalikan operasi rumah-rumah penyembelihan. Saya ingin merayu kepada pihak yang berkenaan untuk mengenakan caj atau suatu fee hijau, 'green fees' pada suatu kadar tertentu untuk seekor yang disebelih. Kadar ini boleh ditentukan selepas rundingan diadakan dengan penternak-penternak dan pemegang lesen. Caj ini boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada syarat pemberian lesen. Tujuan caj ini dikenakan ialah supaya hasil yang dikutip daripada caj ini boleh dikumpul dalam satu dana dan digunakan untuk membersihkan alam sekitar yang telah dicemarkan akibat kegiatan penternakan. Hasil ini boleh digunakan untuk memasang alat-alat, membina parit-parit dan lain-lain yang boleh menapis, dan seterusnya membersih sungai-sungai berhampiran yang telah dicemarkan oleh buangan-buangan dari ladang—ladang temakan.

Buat sementara itu, ramai di antara penternak-penternak kecil dan sederhana tidak mampu memasang alat-alat yang lebih canggih atau dengan iain, sophisticated bagi mengatasi sekurang-kurangnya mengurangkan masalah pencemaran atas usaha diri mereka sendiri;

Kerajaan boleh membantu mereka dalam hal ini. Tetapi pembiayaan harus ditanggung oleh mereka yang bertanggungjawab atas masalah pencemaran. Saya berharap syor ini dapat diberikan perhatian kerana walaupun perkembangan industri penternakan harus kita galakan dan memang ada kebaikan daripada perkembangan industri ini, umpamanya, bekalan protin yang mencukupi, namun kos sosial di dalam bentuk pencemaran alam sekitar yang memang wujud tidak boleh diabaikan atau liketepikan sahaja. Justeru satu penyelesaian yang adil yang menggalakkan perkembangan industri penternakan tetapi disertakan lengan langkah-langkah bagi membersihkan alam sekitar yang dibiayai melalui kutipan atau 'charge' hijau ini harus dilaksanakan.

Pengenaan 'charge' bagi setiap ekor yang disembelih di rumah-rumah penyembelihan adalah berasaskan kepada prinsip 'siapa yang mencemar, dialah yang membayar' atau 'polluter pay in principle'.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja. Terima kasih.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Saidin.

5.32 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad; Tuan Yang di-Pertua, dalam membahas Rang Undang-undang Penswastaan Rumah Penyembelihan 1993, maka saya ingin memperkatakan beberapa perkara. Pertama sekali berhubung dengan prestasi. Bila kita memahami perkataan prestasi tentulah berkait dengan perkataan kawalan. Kawalan yang dimaksudkan, yang ingin saya mendapat fahaman, ialah berhubung dengan penyembelihan.

Berhubung dengan penyembelihan ini, biasa juga rungutan-rungutan diterima daripada orang ramai bahawa ternakan yang sudah mati, maknanya 'sebelum disembelih' sudahpun mati tetapi disembelihkan untuk makanan orang ramai. Ini biasa berlaku dan saya mempunyai bukti-bukti bahawa penyembelih berkenaan telahpun berhenti daripada melakukan penyembelihan kerana tidak sanggup lagi melakukan perkara-perkara mungkar, seperti yang saya sebutkan tadi. Tetapi di Perlis, semenjak orang-orang dari Thai, iaitu orang-orang yang bekerja dengan Perlis Plantation (ladang tebu), sanggup membeli ataupun mengambil ternakan yang sudah mati dan tidak disembelih, kemudiannya dilapah dan dimakan terus. Jadi, masalah-masalah ini tidaklah timbul.

Tetapi, bagi orang Islam, saya suka menimbulkan di sini, bila ada rumah penyembelihan bermakna ada kawalan dan disembelihkan oleh orang-orang yang tertentu. Dalam kefahaman agama, di negeri Perlis, ada orang-orang Islam yang tidak boleh memakan daging sembelihan orang-orang Islam sendiri. Jadi, timbul masalah di sini iaitu ada kumpulan yang melakukan penyembelihan, tetapi ianya tidak dimakan oleh orang-orang Islam, seperti yang saya maksudkan itu dan kemungkinan ia tidak akan memakan daging sehingga sampai beberapa lama, jikalau sekiranya penyembelihan yang dilakukan oleh orang-orang tertentu ini tidak dikawal oleh undang-undang ini. Jadi, dalam masalah ini aaya ingin mendapat penjelasan supaya tidak timbul implikasi yang boleh menimbulkan keadaan-keadaan yang tidak menyenangkan, di kalangan orang-orang Islam, terutama sekali.

Berhubung dengan penyembelihan ternakan yang sudah mati, adakah pihak berkuasa dapat membuat kepastian sama ada perkara-perkara ini akan terus berlaku ataupun akan dapat dibuat satu kawalan supaya pihak-pihak yang berkuasa dapat mengambil tindakan supaya perkara-perkara seumpama ini tidak berlaku lagi dan dapat dibanteras atau dikawal dengan sebaik-baik kawalan.

Selain dari itu, dalam penyembelihan yang banyak, boleh juga berlaku kemungkinan-kemungkinan yang tidak menepati kehendak-kehendak agama Islam. Misalnya, dari segi ternakan ayam, mungkin dalam penyembelihan itu tidak putus kerongkongnya dan darahnya tidak mengalir, sepertimana yang dikehendaki di dalam agama Islam. Dengan sebab itu, kalau penyembelihannya banyak dibuat, ditakuti jika sekiranya rumah kawalan ini tidak dapat menepati kehendak-kehendak agama Islam, Selalunya? penyembelihan ini dijalankan dengan seberapa banyak yang boleh kerana bila kita menswastakannya, maka pengeluaran mestilah banyak supaya perolahan 'income'nya lebih. Jadi, tentulah tidak sempurna penyembelihan itu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja yang saya hendak kemukakan.
Terima kasih.

Dato' Azumu bin Tak: Menteri menjawab.

Dato' S.S.Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini.

Mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan, suka saya menjelaskan bahawa ketiga-tiga Ahli yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini telah memberi sokongan kepada usaha Kementerian Pertanian untuk menswastakan rumah-rumah penyembelihan. Tentang perkara-perkara yang dibangkitkan, iaitu lesen yang boleh diberi kepada orang atau kumpulan orang, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mohamed Nazri, mengikut apa yang ditafsirkan oleh pihak Jabatan Peguam, orang atau kumpulan orang adalah meliputi syarikat. Itu adalah tafsiran yang telah dibuat. Maka dengan adanya peruntukan seperti itu kuasa adalah diberi untuk mengeluarkan lesen kepada orang atau kumpulan orang termasuk syarikat.

Tentang Fasal 4, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat juga, iaitu seseorang yang diberi lesen untuk mengendali rumah penyembelihan yang sedang melanggar, telah melanggar dan berkemungkinan melanggar lagi, boleh digantung lesenya. Sebenarnya dalam Pasal itu Ketua Pengarah tidak boleh menggantung sebelum memberi notis secara bertulis dan bertanya kepada pihak pengendali tentang berkemungkinan melanggar lagi.

Saya suka minta Ahli Yang Berhormat bacakan Clause itu seperti, "Pengendali berlesen sedang melanggar atau telah melanggar dan berkemungkinan melanggar lagi" ataupun kesalahan yang berikutnya, Jadi, walaupun begitu, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa ini adalah tidak begitu tepat. Saya bersetuju bahawa fasal ini boleh dianggap sebagai satu fasal yang memberi kuasa dengan tidak ada hadnya, tetapi oleh kerana Ketua Pengarah perlu memberi notis kepada pihak pengendali dan selepas itu kalau syarat yang dikenakan itu tidak dipatuhi, barulah langkah-langkah boleh diambil untuk menggantung lesen yang diberi.

Maka saya berharap, walau bagaimanapun, pihak Kementerian akan mengawal apabila rumah-rumah penyembelihan diswastakan dan kalau perlu kita akan membuat pindaan. Ini kalau perlulah. Buat masa sekarang dianggap tidak perlu tetapi dalam operasi **ini**, kalau kita menghadapi masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, kita boleh timbang semula dan buat pindaan.

Begitu juga tentang soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Haji Mohamed Nazri mengenai penyembelihan yang dilakukan di luar daripada rumah penyembelihan. Buat masa sekarang pun, penyembelihan dikawal di seluruh negara. Penyembelihan di luar daripada rumah-rumah penyembelihan yang sedia ada pun tidak dibenarkan. Buat masa sekarang pun tanpa Akta ini sebenarnya, penyembelihan adalah termaktub di bawah satu Akta atau Ordinan yang lain.

Buat masa sekarang apabila pihak-pihak yang ingin buat penyembelihan di luar daripada rumah-rumah penyembelihan perlu mendapatkan kebenaran, dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan memberi kebenaran mengikut Akta lain yang menjaga perkara itu. Maka selepas Akta ini di-luluskan pun, walaupun rumah-rumah penyembelihan diswastakan, pihak-pihak yang memerlukan penyembelihan, khasnya untuk upacara-upacara yang ada kaitan dengan agama, pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan terus memberikan kebenaran tetapi caj akan dikenakanlah. Mereka perlu membayar caj tetapi akan dibenarkan penyembelihan khasnya untuk upacara-upacara yang ada kaitan dengan agama seperti Hari Raya Korban dan juga agama-agama lain.

Tentang Jadual (Seksyen 2) itu, saya dimaklumkan bahawa hanya temakan khinzir di mana penyembelihan haiwan betina dibenarkan. Manakala temakan jenis lain, kalau, penyembelihan haiwan betina diperlukan, perlu mendapat persetujuan yang lebih awal. Jadi babi betina tidak payah mendapat persetujuan atau kebenaran lebih awal. Iain-lain ternakan perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu. Ini adalah untuk mengelakkan penyembelihan haiwan betina secara berleluasa. Kita ada diskriminasilah dalam hal ini. **[Ketawa]** Jadi, bagi melindungi ternakan-ternakan betina yang lain dan menentukan bahawa pembiakan dan production akan terus berjalan, maka Pejabat Perkhidmatan Haiwan ini mengambil kira jumlah jenis ternakan betina yang disembelih bagi kambing, kerbau dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon telah membangkitkan dua perkara iaitu tentang proses ataupun keputusan yang akan dibuat tentang penswastaan rumah-rumah penyembelihan. Saya faham perasaan Ahli Yang Berhormat ataupun asas-asas yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi memberi pertimbangan kepada mereka yang terlibat dalam industri ini. Walau bagaimanapun, sukalah saya menjelaskan bahawa penswastaan ini akan mengikut proses dan prosedur yang telah pun ditetapkan oleh Kerajaan dan saya tidak boleh memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa keistimewaan akan diberi kepada mana-mana pihak seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat. Prosedur ini telah pun ditetapkan dan akan diteruskan oleh Jabatan Perancang Ekonomi mengikut prosedur untuk menswastakan bukan sahaja rumah penyembelihan, tetapi dasar penswastaan segala agensi ataupun urusan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Tentang syor yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat, saya bersetuju dengan syor itu. Syor itu adalah satu syor yang baik iaitu pengendali lesen dikenakan satu caj yang dikatakan "green fees" dan caj ini digunakan untuk mengatasi pencemaran yang berlaku akibat daripada penternakan khasnya khinzir ataupun temakan-temakan lain. Saya fikir cadangan itu adalah baik dan Kementerian akan menimbangkan perkara itu apabila kita nenentukan caj dan fee yang akan dikenakan. Beliau mencadangkan bahawa caj itu dikenakan atas bilangan ekor yang disembelih. Cadangan itu saya fikir akan diambil kira apabila membuat keputusan.

Yang Berhormat Saidin bin Mohamad telah membangkitkan dua perkara. Saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dan juga dalam Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan pihak Kerajaan memang mengambil berat untuk menentukan bahawa semua penyembelihan yang berlaku di bawah kawalan Kementerian itu adalah mengikut kehendak agama Islam. Kalau mana-mana pihak yang melakukan penyembelihan itu tidak mengikut syarat-syarat yang diberi, kita akan ambil tindakan tegas terhadap mereka dan jangan bimbang tentang perkara ini.

Tentang kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di mana ternakan yang telah mati sebelum disembelih tetapi disembelih selepas mati untuk digunakan sebagai makanan, saya tidak maklum tentang perkara ini sebelum ini, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat memberi lebih maklumat, saya akan minta pegawai kita siasat. Kemudian kita akan mengambil tindakan yang tegas terhadap pihak-pihak yang melakukan perkara-perkara seperti itu. Jabatan Perkhidmatan Haiwan perlu mendapat maklumat-maklumat seperti ini kalau dipunyai oleh orang awam pun, kalau diberi tahu, kita akan mengambil tindakan termasuk tindakan mahkamah dan sebagainya mengikut kuasa dan undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga itulah penjelasan-penjelasan saya. Sekali lagi, bagi pihak Kementerian, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Azumu bin Tak: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Azumu bin Tak mempengaruhi Jawatankuasa]

Pasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN (PINDAAN) 1993**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.54 ptg.

Setiausaha Parliment Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1993 yang dicadangkan adalah bertujuan untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dengan memperkenalkan beberapa peruntukan baru dan meminda peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Pindaan-pindaan yang dibuat adalah hasil daripada kajian semula penggalakan pelaburan sepertimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sewaktu beliau membentangkan Belanjawan **1992**. Kajian semula galakan pelaburan tersebut adalah bertujuan untuk menggalakkan sektor perindustrian negara supaya mempunyai nilai tambah yang tinggi, berintensif modal, berteknologi canggih, dapat memperkuuhkan rantai industri, mengurangkan kandungan import serta meningkatkan daya saing eksport negara. Pemberian galakan berlebihan yang berterusan pada pandangan Kerajaan akan memanja dan mengurangkan kecekapan syarikat dan melambatkan kemunculan syarikat yang berdaya saing,

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil peluang ini untuk menghuraikan **ciri-ciri** utama pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini:

(1) Galakan Taraf Perintis

Syarikat-syarikat pcrkilangan yang telah diluluskan taraf

galakan perintis sebelum 1hb November, 1991 adalah layak menikmati pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya. Pengecualian 100% tersebut adalah untuk tempoh 5 tahun mulai dari hari pengeluaran yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini adalah untuk membolehkan permohonan yang diluluskan galakan taraf perintis pada atau selepas 1hb November, 1991 diberi pengecualian cukai, hanya setakat 70% daripada pendapatan berkanun masing-masing. Baki pendapatan 30% lagi akan dikenakan cukai pada kadar cukai pendapatan semasa. Namun begitu, syarikat-syarikat yang telah diluluskan galakan taraf perintis sebelum tarikh tersebut akan terus kekal menikmati pengecualian 100% seperti di dalam kelulusan asal masing-masing.

(2) **Lanjutan Tempoh Taraf Perintis**

Pada masa **ini**, syarikat-syarikat perintis boleh dibenarkan perlanjutan tempoh pengecualian cukai selama 5 tahun. berikutnya selepas tamat tempoh 5 tahun pertama taraf perintis mereka. Perlanjutan ini boleh diberi sekiranya syarikat-syarikat perintis berkenaan memenuhi syarat-syarat dan garis-garis panduan yang ditetapkan.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini memperuntukkan supaya tempoh pengecualian cukai bagi galakan taraf perintis tidak lagi dilanjutkan apabila tamat tempoh 5

tahun pertama. Ini adalah untuk mengurangkan pergantungan berterusan syarikat perkilangan kepada galakan taraf perintis atau galakan-galakan cukai yang lain. Walau bagaimanapun, sekatan perlanjutan tempoh taraf perintis ini adalah permohonan daripada syarikat-syarikat yang diluluskan taraf perintis pada atau selepas 1hb November, 1991 sahaja. Bagi syarikat-syarikat yang telah diluluskan taraf perintis sebelum tarikh-tarikh ini, mereka akan terus menikmati perlanjutan taraf perintis berdasarkan peruntukan Seksyen 14 yang sedia ada dan tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat dan garis-garis panduan yang ditetapkan.

3) Galakan Elaun Cukai Pelaburan

Syarikat-syarikat yang diluluskan galakan elaun cukai pelaburan (ECP) sebelum 1hb November, 1991 layak menerima elaun sehingga 100% daripada perbelanjaan modal untuk tempoh 5 tahun dari tarikh projek berkenaan diluluskan. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan paras galakan cukai yang diberikan kepada pelabur-pelabur adalah dicadangkan supaya ECP yang diluluskan pada atau selepas 1hb November, 1991 dihadkan kepada 60% daripada perbelanjaan modal yang layak. Jumlah elaun yang boleh dikurangkan bagi setiap tahun, taksiran-taksirannya juga dihadkan maksimanya kepada 70%. Elaun-elaun yang tidak terpakai bagi sesuatu tahun taksiran, walau bagaimanapun boleh dibawa ke tahun taksiran berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengikut peruntukan yang sedia ada dalam Akta, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan persetujuan Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk membelakangkan tarikh galakan ECP selama 5 tahun. Untuk menggalakkan syarikat-syarikat supaya jangan melengah-lengahkan membuat permohonan galakan ECP ini, Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya galakan ECP hanya boleh dibelakangkan untuk 3 tahun sahaja.

(4) Galakan Khas bagi Projek Strategik

Seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1992, Kerajaan akan memberi pertimbangan khas untuk pelepasan cukai tambahan termasuk pelepasan cukai 100% untuk sebilangan kecil projek strategik yang mempunyai kepentingan nasional secara kes demi kes. Pemberiati insentif khas ini adalah selaras dengan strategik Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan yang selective, terutama kepada projek-projek yang berintensif modal, berteknologi tinggi dan mempunyai rantai industri yang luas serta dapat memberi kesan ke atas ekonomi dan strategik kepada negara.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

Projek yang diluluskan di bawah skim ihi boleh diberi pengecualian cukai 100% dalam bentuk galakan taraf perintis atau ECP sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal. Tempoh pengecualian cukai 100% bagi galakan taraf perintis adalah untuk selama 10 tahun, diberi selama 5 tahun pada permulaannya dengan perlanjutan 5 tahun berikutnya tertakluk kepada syarat memenuhi garis panduan yang ditetapkan.

Bagi galakan ECP pula, pemberian elaun boleh dibenarkan bagi perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh kelulusan. Perlanjutan ECP tidak akan diberikan bagi tahun-tahun taksiran berikutnya apabila tamat tempoh 5 tahun pertama, tertakluk kepada syarat memenuhi garis panduan yang ditetapkan.

(5) **Galakan Pengurangan Pendapatan untuk Ekspor**

Seperti diumumkan dalam Belanjawan 1992, galakan pengurangan pendapatan untuk eksport adalah berdasarkan pendapatan berkanun (statutory income) dan bukan pendapatan larasan atau adjasted income syarikat. Galakan ini akan hanya diberi kepada syarikat yang dimilik 70% oleh rakyat Malaysia dan operasi mereka

terletak di kawasan utama kastam atau principal customs areas. Galakan ini akan dimansuhkan mulai tahun 1993.

Walau bagaimanapun, pemansuhan galakan eksport ini dibuat secara berperingkat kepada semua syarikat tanpa diskriminasi dan notis yang mencukupi diberi untuk membolehkan pelabur membuat perancangan. Berikut itu, pengumuman telah dibuat untuk menarik balik sekatan ini. Adalah diputuskan bahawa pemansuhan galakan ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat sebelum dimansuhkan sepenuhnya mulai tahun taksiran 1995. Oleh hal yang demikian, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini cuma membuat pindaan bagi mengurangkan pendapatan untuk eksport berdasarkan kepada pendapatan berkanun dan tidak lagi berasaskan pendapatan larasan. Pindaan-pindaan untuk memansuhkan galakan ini secara berperingkat akan dibuat kemudian kclak.

(b) **Skim Pengurangan Pendapatan untuk Lokasi dalam Kawasan digalakkan, Pembelian dari Industri Kecil dan Mematuhi Dasar Kerajaan mengenai Penyertaan Ekuiti atau Gunatenaga**

Belanjawan 1992 telah juga mengumumkan bahawa skim-skim galakan pengurangan pendapatan larasan lain iaitu bagi lokasi dalam kawasan yang digalakkan,

pembelian dari industri kecil dan bagi mematuhi dasar-dasar Kerajaan mengenai penyertaan ekuiti atau gunatenaga akan dimansuhkaa mulai tahun taksiran 1993.

Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya galakan di bawah skim pengurangan skira tersebut tidak akan lagi diberikan kepada syarikat-syarikat yang beroperasi pada atau selepas 1hb Januari 1992. Di samping itu, Rang Undang-undang ini juga mencadangkan pengurangan pendapatan larasan sebanyak 5% daripada nilai bahan tempatan yang digunakan di dalam eksport dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sedang memasuki era baru pembangunan perindustrian. Objektif Dasar Perindustrian dalam Rancangan Malaysia Keenam adalah menuju ke arah industri yang berintensif modal dan berteknologi canggih yang mampu menghasilkan keluaran yang bermutu tinggi, berdaya saing dan berhubung rapat dengan keperluan pasaran negara-negara pengimport.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991 hingga tahun 2000 pula telah memberi penekanan yang berterusan kepada sektor perkilangan sebagai sektor terpenting dalam proses ekonomi pembangunan. Sektor ini diharapkan dapat berkembang pada kadar 10.5% setahun dan menyumbang 37% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2000.

Bagi membolehkan sektor pembuatan terus menjadi penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan akan terus mengambil berbagai-bagai langkah bagi menggalakkan pembangunan perindustrian dan menyediakan suasana yang lebih baik untuk

pelaburan. Sebenarnya pelabur-pelabur bukan sahaja tertarik kepada galakan fiskal tetapi juga kepada kestabilan politik, gunatenaga terlatih dan berdisiplin serta lain-lain galakan bukan fiskal.

Sehubungan itu. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan terus memainkan peranan utama dalam memastikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan rantau ini.

Tuan Yang di-pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlia ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

6.05 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang begitu peka berkenaan dengan soal pelaburan ini. Daripada apa yang telah diberikan penjelasan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, saya rasa ada sedikit perkara yang saya ingin mendapat penjelasan. Kerana, mengikut Akta ini dan yang saya baca, dalam Fasal 4:

"4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 4, seksyen baru 4A yang berikut:

4A. Walau apa pun seksyen 4, Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh berdasarkan kes ke kes menyifatkan apa-apa aktiviti atau keluaran yang mempunyai penting dari segi nasional dan strategi bagi Malaysia sebagai suatu akciviti digalakkan atau keluaran digalakkan."

Tetapi daripada penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, saya lihat bahawa penggalakan yang diberi ialah kepada syarikat yang memohon untuk mendapat taraf perintis. Jadi, di sini kalau kita lihat daripada penjelasan sebentar tadi, hanya industri yang menjalankan aktiviti bertaraf perintis sahaja yang dianggapkan sebagai aktiviti atau keluaran yang penting dari segi nasional dan strategi bagi Malaysia.

Maksud saya di sini iaitu bahawa daripada mula sampai akhir tadi, banyak daripada pengecualian diberikan daripada segi cukai yang semuanya berkaitan dan berkisar kepada taraf perintis. Jadi, hanya industri dan perniagaan yang bertaraf perintis sahaja yang dianggapkan sebagai industri yang digalakkan oleh Kerajaan.

Saya percaya banyak lagi industri-industri yang strategik bagi Kerajaan yang tidak mempunyai status perintis lagi disabitkan kerana mungkin sebagai contohlah, induatri batik atau kain songket ataupun perkara-perkara yang etnik kepada Malaysia. Ini merupakan daripada segi strategi dan kepentingan negara Malaysia memang ada. Tetapi oleh kerana perkara ini sudah banyak dan sudah lama dijalankan di negara kita dan tidak mempunyai taraf perintis lagi, maka ia tidak merupakan promoted industry lagi, semata-mata kerana ia sudah tidak ada periritis. Maka tidak hairanlah kita bahawa kalau pelabur-pelabur dari negara luar tidak mahu melabur di dalam bidang ini sebab kita hanya memberikan pengecualian kepada industri bertaraf perintis.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah aktiviti keluaran yang penting dari segi nasional

dan strategi bagi Malaysia dianggap sebagai aktiviti yang digalakkan atau promoted itu hanya kepada industri yang berkelayakan untuk mendapat taraf perintis sahaja. Jadi, maknanya kalau industri itu tidak merupakan perintis, maka industri itu tidak dianggap sebagai promoted industry.

Ini penjelasan yang saya mahu daripada Yang Berhormat kerana sepanjang penjelasan yang telah diberi tadi, bercakap tentang taraf perintis (pioneer status). Jadi, ini satu benda yang harus diperjelaskan kerana saya bimbang bahawa promoted industry itu hanya dikaitkan dengan industri yang mendapat pioneer status. Yang tidak mendapat pioneer status, ia tidak dianggap sebagai the promoted industry.

Jadi, inilah sahaja yang saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat kerana saya mahu tahu, apakah promoted industry itu hanya kaitannya kepada industri yang pioneer sahaja, Kalau ia tidak pioneer, maka it is not a promoted industry daripada segi takrif Akta ini.

Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

6.10 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Sebelum saya pergi secara detail mengenai Akta ini, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana telahpun berjaya menarik pelabur-pelabur asing untuk datang melabur ke negara kita, walaupun dengan tiadanya lagi galakan taraf perintis ataupun intensif-insentif lain yang kebanyakannya telahpun mula kita mansuhkan sejak daripada Belanjawan 1992 yang lalu. sebenarnya mana-mana industri sekalipun tidak boleh bergantung tepada galakan selama-lamanya, kerana ia boleh mendatangkan kerugian kepada negara dari segi jangka panjang dan ia akan mengurangkan daya saing terhadap industri-industri ini kalau sentiasa bergantung semata-mata kepada Kerajaan.

Apa yang ingin saya memberikan penjelasan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan juga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, terdapat juga industri-industri ataupun kilang-kilang yang menyalahgunakan taraf perintis ini. Biasanya semasa mereka ini mendapat taraf perintis, mula-mula 5 tahun, lepas itu dipanjangkan 5 tahun lagi, dalam masa adanya taraf perintis ini kita dapati syarikat-syarikat ini menunjukkan keuntungan yang sungguh tinggi, kerana semasa ini mereka tidak dikehendaki membayar cukai di samping

mendapat insentif-insentif yang lain. Tetapi apabila ditarik sahaja taraf perintis yang telahpun diberikan selama ini, keuntungan syarikat ini dengan secara mendadak telahpun menurun, malah terdapat juga syarikat-syarikat yang sampai sehingga mengugut Kerajaan jika tidak dilanjutkan ataupun diberikan taraf perintis ini, kemungkinannya mereka terpaksa ditutup operasinya. Oleh kerana Kerajaan pula memikirkan soal pekerjaan kepada pekerja-pekerja ini, mungkin takut-takut kalau Kerajaan terugut dengan ugutan yang diberikan oleh syarikat-syarikat ini. Jadi, kita berharap supaya dalara pemberian taraf perintis ini supaya Kerajaan lebih berhati-hati, supaya jangan ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan.

Yang keduanya, ialah soal penggalakan pelaburan ini. Apa yang kita harapkan ialah sepertimana yang pernah saya katakan, mereka yang melabur wang atau modal di negara kita adalah pelabur-pelabur merupakan mereka yang paling aensitif sekali. Jika ada perubahan-perubahan berlaku ataupun jika ada Akta-akta dan undang-undang baru yang dibuat secara mendadak, ia akan boleh menimbulkan rasa kegelisahan oleh pelabur-pelabur ini. Jadi, kita harapkan supaya diadakan koordinasi yang sebaik-baiknya di antara dua Kementerian ini, iaitu Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya tidak timbul kegelisahan.

Sebenarnya kalau kita lihat pindaan Akta ini adalah hasil daripada Belanjawan 1992, kerana sebahagian besarnya adalah melibatkan kedudukan taraf perintis syarikat-syarikat yang telahpun

membuat permohonan di antara sebelum dan juga selepas 1.11.1991 yang lalu. Sejak Kementerian Kewangan mengumumkan tentang penarikan galakan taraf perintis ini, berbagai-bagai reaksi telahpun timbul oleh pihak-pihak pelabur. Sepertimana yang telahpun saya katakan tadi, jika keyakinan pelabur tercabar di dalam soal **ini**, kita takuti dan khuatiri kerana dalam suasana yang ada sekarang ini dalam suasana saingan yang hebat yang kita hadapi dengan negara-negara jiran; seperti Thailand, Pilipina dan juga Indonesia tentulah pelabur-pelabur dengan mudah sahaja akan mengalihkan operasinya daripada tempat kita ke tempat-tempat yang lain. Jadi, saya berharap supaya koordinasi yang baik, kerjasama yang erat ataupun perbincangan diadakan terlebih dahulu sebelum sesuatu dasar itu diumumkan oleh mana-mana pihak Kementerian, khasnya kedua-dua Kementerian yang terlibat dan berkait rapat di dalam soal-soal menarik pelabur-pelabur asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sekarang ini negara sedang menumpukan kepada industri berat dan juga industri berteknologi tinggi, tetapi saya percaya pihak Kementerian juga akan memberikan perhatian kepada Small and Medium Industries (SMI) juga tidak akan diabaikan, khasnya di dalam memberikan taraf-taraf perintis ataupun dalam memberikan galakan-galakan kepada industri-industri sederhana dan juga industri-industri kecil ini. Kalau boleh, hendaklah difikirkan juga galakan-galakan yang khas untuk Small and Medium Industries (SMI) ini supaya industri-industri ini juga dapat bersaing rapat dengan industri-industri besar yang diberikan galakan oleh pihak Kerajaan. Kadangkala terdapat juga pemikiran oleh

setengah-setengah pelabur-pelabur tempatan seolah-olah kita memberikan galakan, kita memberikan berbagai-bagai insentif kepada pelabur-pelabur asing, tetapi kadangkalanya seolah-olah kita terlupa untuk memberikan galakan dan juga insentif kepada pelabur-pelabur tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahaja pandangan saya mengenai Akta ini. Dengan itu, saya menyokong Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1993. Sekian.

Tuan Yang di-pertua; Saya minta pihak Kementerian menjawab.

6.18 ptg.

Datuk S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri dan juga Yang Berhormat Tuan Rahim Baba yang telah membahaskan dan juga telah memberi beberapa pandangan yang amat berguna kepada Kementerian saya dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini.

Yang pertaraa, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri telah menimbulkan masalah berkaitan dengan taraf perintis, adakah taraf perintis menjadi hanya satu tanda untuk memikirkan adakah industri itu ada strategi ataupun industri itu begitu penting. Sebenarnya, kita daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga daripada Kementerian di peringkat Pusat hanya kita boleh memberi elauan-elauan ataupun insentif-insentif yang berbentuk daripada fiskal sahaja, tetapi apabila kita hendak memberi insentif-insentif yang bukan fiskal ini, banyak bergantung kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, daripada Kerajaan

Pusat, kita memberi lebih penting kepada apa yang kita boleh beri kepada industri-industri melalui sistem fiskal ini. Apabila kita mengkaji semua sistem yang kita ada, kita berpendapat taraf perintis menjadi satu insentif yang amat digalakkan dan bolehlah dialu-alukan oleh semua syarikat-syarikat, oleh kerana makna yang begitu besar dan pendapatan yang begitu besar yang boleh diperolehi oleh syarikat-syarikat boleh digunakan untuk membangunkan dan juga untuk bermula lagi sekali untuk melabur di dalam industri itu ataupun industri-industri yang lain.

Dari segi jumlah insentif yang boleh diperolehi dari syarikat-syarikat, taraf perintis menjadi satu galakan yang amat penting, Kita bukan sahaja memberi taraf perintis, kita sedang memberi beberapa lain-lain insentif seperti yang saya telah katakan tadi elaun galakan, elaun cukai pelaburan, galakan pengurangan pendapatan untuk eksport, galakan untuk lokasi dan sebagainya. Ada banyak lain-lain insentif juga. Tetapi kepada kita, kita anggap taraf perintis sebagai satu insentif yang amat baik dan semua pelabur telah pun menerima taraf perintis sebagai satu galakan yang boleh dialu-alukan.

Kepada lain-lain industri seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri itu industri seperti batik dati kain songket, kita sedang memberi lain-lain insentif juga selain daripada taraf perintis untuk mengecualikan mereka daripada customs duty dan sepertinya. Ini amat berguna kepada mereka oleh kerana kadang-kadang mereka tidak ada pendapatan yang begitu tinggi ataupun profit dan pengecualian dari customs duty dan sepertinya menjadi satu insentif yang penting kepada mereka.

Dalam semua aktiviti dan insentif-insentif yang sedang diberi, kita ambil kira apa yang boleh digunakan oleh syarikat-syarikat dengan secara baik. Dan aktiviti-aktiviti kita memberi galakan ialah semua aktiviti yang boleh dianggap sebagai strategik. Bagi industri kecil kita juga ada banyak jenis industri yang kita

beri taraf perintis dengan modal yang kecil juga. Oleh yang demikian, saya rasa semua yang memerlukan galakan kita sedang beri perhatian dan diberi galakan,

Yang Berhormat Tuan Rahim telah memberi beberapa cadangan yang baik juga berkaitan dengan beberapa kelemahan yang berlaku di dalam industri-industri yang telah pun diberi taraf perintis tetapi tidak digunakan dengan sepatutnya. Itupun kita menyedari dan oleh yang demikian perubahan telah dibuat di dalam Akta ini dengan dikurangkan dari 10 tahun ke 5 tahun bagi beberapa industri secara umumnya. Tetapi industri-industri yang boleh dianggap sebagai industri yang strategik kita memang menggunakan dan kita memberi pengecualian 100% cukai selama 10 tahun juga.

Berkaitan dengan kegelisahan yang disedari oleh beberapa pelabur-pelabur, kita sedar berkaitan dengan perkara ini dan oleh yang demikian kita sedang mengadakan dialog dengan pihak swasta daripada semua segi, semua jenis industri. Setiap tahun kita adakan dialog dengan mereka juga dengan Kementerian Kewangan untuk kita mendapat tahu apa sebenarnya yang sedang berlaku dalam semua industri-industri yang berada di dalam negara kita. Kita seterusnya, apabila mereka membangkitkan apa-apa masalah kita sedang mengambil kira dan seterusnya kita sedang mengambil tindakan untuk memasukkan ke dalam Belanjawan pada setiap tahun apa yang telah dibangkit oleh mereka; jika apa yang telah dibangkit adalah dianggap baik dan juga kita boleh membantu industri itu untuk membangun bukan sahaja untuk industri itu tetapi juga memberi peluang pekerjaan dan juga peluang untuk meninggikan teknologi dalam negara kita.

Kita juga menggalakkan beberapa aktiviti untuk membawa kepada negara kita lebih banyak pelaburan. Tetapi pada masa kini, nampaknya sudah sampai ke satu taraf di mana kita harus memberi kepentingan pelaburan daripada tempatan ataupua daripada warganegara kita. Oleh yang demikian, kita sedang mengumpulkan beberapa cadangan-cadangan dan juga apa yang kita boleh beri kepada Small and Medium Industry (SMI) atau Industri Kecil dan Sederhana untuk kita memberi lebih peluang kepada pihak warganegara kita untuk melabur dan juga mengambil tindakan dan seterusnya melabur dalam negara kita.

Saya rasa tidak lama lagi kita akan mengumpulkan cadangan-cadangan dan juga apa yang kita dapat daripada industri-industri kita untuk memberi satu dasar atau satu tumpuan baru kepada Industri Kecil dan Sederhana (SMI) dengan apa yang kita rasa kita boleh memberi pertolongan dan juga bantuan kepada mereka untuk mendirikan lebih industri-industri kecil dan sederhana dalam negara kita.

Kita ada beberapa insentif pada masa kini tetapi boleh jadi ada lain-lain insentif kita harus diberikan kepada mereka; jika ada cadangan-cadangan baik, saya ingin mohon kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberikan pandangan mereka kepada kita untuk mengambil kira sebelum dasar baru ini akan dikemuka kepada negara kita.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah jawapan saya daripada Kementerian ini dan dengan ini saya sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah memberi pandangan dan jika ada lain-lain perkara saya tidak dapat peluang

untuk menjawab, saya akan meniawab secara bertulis. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Pasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

dibacakan kali undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan:

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ada Usul hendak menangguhkan Dewan ini, saya memanggil seorang Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan sekarang.

**USUL
PENANGGUHAN MESYUARAT**

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 15(3) Dewan ini ditangguhkan sekarang,

Timbalan Menteri Perumahan dan kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

**Pembayaran Bil-bil Air, Telefon
dan Elektrik serta layanan terhadap pelanggan**

Tuan Tang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam.

6.31 ptg.

Puan Sri Sacasa Pasamanickam; Tuan Yang di-Partua, terima kasih di atas peluang yang diberi untuk Ucapan Penangguhan. Dengan ringkasnya saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos kepada masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata dalam pembayaran untuk kemudahan asas seperti air, elektrik dan telefon.

Yang pertama, Jabatan Bekalan Air. Seorang pelanggan yang biasanya keluar kerja pada awal pagi dan pulang pada waktu malam

mendapat bil untuk bulan semasa yang berjumlah RM131.60 dan tunggakan RM6. Apabila beliau mengunjungi pejabat yang berkenaan, jumlah RM130.60 itu dibetulkan kepada RM3.00. Pada bulan berikut pula bil semasa adalah RM3.00 dan tunggakan tercatit sebagai RM128.60.

Yang kedua, Tenaga Nasional Berhad. Saya sendiri telah mengalami kesulitan di sini untuk bulan Mac hingga April, 1993 saya menerima bil sebanyak RM20, bil itu telah dibayar. Apabila saya menerima bil untuk bulan berikut iaitu April hingga Mei, jumlahnya adalah RM36. Bil itupun telah diselesaikan. Selepas itu, saya menerima bil tambahan pula untuk bulan Mac hingga Mei sebanyak RM24.71, dan saya bayar jugalah takut kena potong.

Yang ketiga, Syarikat Telekom Malaysia. Kementerian telah memberi kemudahan membuat bayaran di satu pusat, dengan izin, "one stop payment centre". Kadang-kadang pelanggan menggunakan pusat yang paling terdekat atau convenient. Misalnya, pelanggan membuat bayaran bil air, telefon dan elektrik di Pejabat Pos. Pada bulan berikut beliau mendapat bil di mana tunggakan masih dicatit dan sekarang ditambah lagi satu item iaitu pelarasan sebanyak RM16 lagi.

Tambahan pula, ada kes di mana perkhematan telefon diputuskan sementara kerana bil tidak dibayar. Kalau ada kelewatan dalam komunikasi di antara Jabatan Pos dan Telekom, janganlah pelanggan dijadikan mangsa. Kita perlu membayar RM50 untuk menyambung telefon

semula, mungkin STM dapat pendapatan yang lumayan dengan RM50 **itu**.

STM ini cekap dalam pemotongan perkhidmatan telefon. Perkhidmatan telefon juga disalahgunakan oleh banyak pihak. Kadang-kadang pelanggan-pelanggan dapat bil di mana tercatit banyak panggilan dalam negeri dan antarabangsa yang mereka tidak pernah buat. Apabila seorang pelanggan mengunjungi pejabat-pejabat berkenaan untuk mendapat penjelasan, beliau diberitahu, "Bayar dahulu, cakap kemudian".

Jabatan Tenaga dan Telekom dan Pos telahpun diswastakan kecuali Jabatan Bekalan **Air**. JBA dan Telakom menggunakan sistem komputer, manakala Tenaga Nasional pula masih menggunakan tenaga sumber manusia untuk membaca meter. Memandangkan kes-kes yang tersebut pelanggan akan hilang kepercayaan dalam sistem '**billing**' oleh badan-badan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan dapat memperbaiki perkhidmatannya dan juga menyelaraskan sistem komunikasi antara Jabatan-jabatan tersebut supaya "one-stop centres" itu dapat bertungsi dengan cekap dan pembacaan meter adalah tepat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian menjawab dalam masa 7½ minit.

6.35ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom daa Pos [Dato' Mohd. Tajol

Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya maklumkan bahawa perkara air dan isu-isu yang berhubung dengan bil air adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh itu, saya tidak dapat memberi jawapan kepada isu-isu berhubung dengan perkara air yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan perkhidmatan bekalan elektrik dan juga telefon dalam Ucapan Penangguhannya sebentar tadi.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas beberapa cadangan konstruktif yang telah beliau kemukakan dan berjanji akan mengarahkan agensi-agensi di bawah Kementerian saya untuk mengambil perhatian terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat terutama sekali terhadap perkara-perkara semasa dalam perancangan mereka.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan penerangan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang pertama sekali berkenaan dengan perkhidmatan Tenaga Nasional, iaitu berkenaan dengan pembayaran dan pemotongan bil elektrik serta layanan terhadap pengguna.

Sebagai sebuah syarikat pembekal elektrik, Tenaga Nasional sentiasa bertanggungjawab memastikan perkhidmatan cemerlang diberikan kepada pengguna-pengguna. Di antara perkhidmatan yang diberikan ialah melayani dan mengambil tindakan segera kepada permohonan untuk mendapatkan bekalan elektrik, aduan, gangguan bekalan elektrik masalah-masalah bil elektrik dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perbekalan elektrik. Bacaan jangka akan dibuat setiap bulan berdasarkan kepada bacaan jangka dan pengguna akan menerima bil elektrik sebagai bayaran yang perlu dijelaskan di atas penggunaan elektrik bagi bulan yang berkenaan. Bil anggaran akan dikeluarkan kepada pengguna apabila jangka tidak dapat dibaca oleh pembaca jangka. Bil anggaran ini akan dibuat berdasarkan kepada bil sebenar pada bulan sebelumnya.

Penyelarasian **bil-bil** anggaran boleh dibuat jika sekiranya pengguna dapat berhubung terus dengan Pejabat Tenaga Nasional supaya satu bacaan khas boleh diadakan. Bacaan khas juga boleh dibuat jika pengguna perlu berpindah dari premis tersebut dan bacaan jangka terakhir direkod dan bil dikeluarkan. Sabarang keraguan ke atas pergerakan jangka dan bacaan jangka akan disiasat dan diperbetulkan sewajarnya.

Pembayaran **bil-bil** elektrik hendaklah dijelaskan dalam masa 15 hari selepas tarikh dikeluarkan. Kaedah biasa pembayaran boleh dibuat di kaunter-kaunter Tenaga Nasional yang dinyatakan dalam bil atau di mana-mana Pejabat Tenaga Nasional di seluruh Semenanjung.

Kemudahan lain yang disediakan untuk pembayaran bil ialah kaunter pandu masuk, melalui pos, cek yang berpalang atau deraf, wang kiriman, peti-peti ekspres, sistem GIRO, rangkaian ATM, kad kredit dan juga servis Auto-phone. Pengguna juga boleh memilih untuk menjelaskan bil-bil mereka melalui sistem kutipan setempat iaitu di Pejabat Pos, Pos Bergerak, Telekom Malaysia, Pejabat Bekalan Air, Majlis Tempatan dan wakil-wakil pemungut jika tercatit di dalam bil.

Yang ketiga, pemotongan bekalan elektrik atas gagalnya menjelaskan bil. Beberapa pertimbangan wajar sentiasa diberikan kepada kumpulan pengguna-pengguna tertentu sebelum pemotongan dijalankan seperti menangguhkan pemotongan kepada klinik-klinik, tempat-tempat ibadat, premis-premis yang mempunyai anak-anak kecil, orang cacat dan tua serta pesakit-pesakit. Dan Tenaga Nasional juga mengelakkan pemotongan bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna tertentu yang terlibat sebelum perayaan-perayaan penting seperti hari perayaan yang berunsurkan keagamaan, perkauman, Tahun Baru China, Thaipusam, Hari Raya, Hari Raya Natal dan sebagainya.

Penyambungan semula lazimnya pengguna dikehendaki terlebih dahulu menjelaskan segala bil pemotongan dan bayaran sambungan sebanyak RM3 di mana-mana Pejabat Tenaga Nasional tempatan seperti yang tercatit di notis pemotongan bekalan atau di pusat-pusat kutipan.

Peruntukan undang-undang serta syarat-syarat khas mengenai pembayaran bil elektrik telahpun diputuskan dan untuk menentukan pembayaran bil elektrik dilaksanakan secara kemas dan adil serta perkhidmatan pelanggan diutamakan, Jabatan Bekalan Elektrik memasukkan syarat-syarat khas syarat 15 dan 16 dalam lesen Tenaga Nasional Berhad bagi maksud ini.

Peruntukan undang-undang serta syarat-syarat khas mengenai perabayaran bil elektrik telah pun diputuskan dan untuk menentukan perabayaran bil elektrik dilaksanakan secara kemas dan adil serta perkhidmatan pelanggan diutamakan, Jabatan Bekalan Elektrik memasukkan syarat-syarat khas, iaitu syarat 15 dan 16 di dalam Lesen Tenaga Sasional Bhd bagi maksud ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak cukup masa untuk membacakan semua ini, saya akan menghantarkan kepada Ahli Yang Berhormat jawapan ini secara bertulis.

Berkenaan perkhidmatan telefon, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan dan juga Telekom Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan telekomunikasi yang berkualiti kepada semua pengguna-pengguna. Dalam usaha-usaha ke arah tersebut, terdapat beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan, Di antaranya, seperti pemotongan talian telefon selepas pembayaran, masalah kelewatan pengambilan dan gangguan perkhidmatan akibat kerosakan talian. Pemotongan talian telefon dibuat kerana:

- (i) permintaan pelanggan sendiri;
- (ii) kelewatan bayaran;
- (iii) penggunaan tinggi bagi pelanggan baru; dan
- (iv) pelanggan mempunyai akaun tunggakan yang lama.

Tujuan pemotongan sementara ialah untuk mencegah hutang lapuk dan memberi peluang kepada pelanggan untuk menjelaskan hutang. Tetapi sebelum pemotongan sementara dilakukan, pelanggan yang

menerima bil bulanan telah diberi tempoh 10 hari untuk menjelaskan bil tersebut. Sekiranya pelenggan itu gagal menjelaskannya dalam tempoh tersebut, pemotongan sementara melalui automatic radio system, dengan izin, akan dibuat. Tempoh yang diberikan selepas ini ialah 3 hari dan jika pelanggan masih gagal membayar, pemotongan akan dibuat 10 hari dari tarikh tersebut. Selepas pemotongan dilakukan, bayaran sebanyak RM50 dikenakan sebagai bayaran penyambungan semula selain dari jumlah yang dikenakan. Bayaran ini telah berkuatkuasa sejak, Telekom Malaysia Bhd diswastakan, iaitu sejak 1987.

Pada masa kini terdapat seramai 4,000 pelanggan sebulan yang gagal membayar bil masing-masing. 4,000 ini adalah jumlah daripada hampir-hampir 2 juta pelanggan. Walau bagaimana pun, tindakan seumpama ini hanya dilakukan kepada pelanggan yang kerap gagal menjelaskan bil. Maka pelanggan-pelanggan tidak perlu khuatir ke atas pembayaran penyambungan yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya jawab pada hari **ini**, saya akan kaji balik ucapan Yang Berhormat daripada "Hansard" dan saya akan jawab kepada Yang Berhormat secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul Penangguhan tadi dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Diputuskan,

Sahawa menurut Peraturan Mesyuarat 15(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 9hb Ogos, 1993.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.

